

"SEMBAHYANG fardu lima waktu, Sembahyang Jumaat ke Jumaat berikutnya dan Ramadan ke Ramadan berikutnya menghapuskan dosa-dosa yang dilakukan di antara masa tersebut seandainya dosa-dosa besar dijauhkannya".
- Terjemahan makna daripada sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, riwayat Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu.

KEMAJUAN EKONOMI, KESEJAHTERAAN RAKYAT JADI KEUTAMAAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2026.



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Disember. - Ketika berada di ambang Tahun Baharu Masihi 2026, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ingin mengajak semua pihak untuk sama-sama merenung pencapaian kita dan hala tuju yang telah dilalui.

Keadaan tahun lalu masih sahaja menguji kita dengan cabaran-cabaran ekonomi, kesan dari pergolakan global termasuk krisis perubahan iklim yang

semakin menghimpit. Namun, rakyat negara ini masih sahaja tetap tenang dan waspada.

Inilah yang kita mahukan untuk menjadi

bangsa yang gigih yang sentiasa berani mengharungi cabaran.

>> Muka 2

BDCB terbitkan BSI bagi November 2025

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Disember. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan (Business Sentiment Index - BSI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi November 2025.

Indeks berkenaan adalah berdasarkan kepada kaji selidik ke atas sekitar 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada 11 sektor ekonomi di seluruh negara.

>> Muka 6

Doa Kesyukuran sempena ulang tahun perasmian masjid

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

SUNGAI BESAR, Rabu, 31 Disember. - Masjid Kampung Sungai Besar malam ini mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena memperingati Hari Ulang Tahun Ke-42 Perasmian Masjid Kampung Sungai Besar yang berlangsung di masjid berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Sungai Besar bersama Datin.

>> Muka 3

BruneiID memudahkan akses perkhidmatan digital kerajaan

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (MOHA) dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dengan sukacitanya memperkenalkan Brunei Identiti Digital, ringkasnya BruneiID

iaitu sebuah sistem identiti digital kebangsaan yang berfungsi sebagai pengenalan peribadi individu dalam versi elektronik.

>> Muka 4

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama



SEPASANG suami isteri puak Dusun peluk Islam

Muka 5



RAIH keberkatan di bulan Rejab

Muka 8



BIMBINGAN holistik membentuk hala tuju akademik pelajar

Muka 17



ELAKKAN penyakit bawaan udara dengan penapis udara

Muka 19

Kemajuan ekonomi, kesejahteraan rakyat jadi keutamaan

>> Muka 1

Demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan bersempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2026.

"Sehubungan itu, beta berbangga mengetahui kebangkitan golongan muda seperti Brunei Youth Council dan Brunei Young Entrepreneurs, yang tampil membawa perubahan.

"Sementara dari sudut lain pula, kita juga melihat para petani dan penternak bangkit meningkatkan hasil pengeluaran mereka. Ini adalah petanda baik, selaras dengan hasrat kerajaan sendiri untuk mencapai sara diri dalam hal ehwal pemakanan," titah baginda.

Dalam melangkah ke tahun baharu ini, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan akan kekal komited untuk meletakkan keutamaan kemajuan ekonomi

dan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan dan pembaharuan dasar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, walaupun ekonomi negara mengalami penurunan 1.1 peratus pada enam bulan pertama tahun 2025 berbanding tempoh yang sama tahun 2024, namun asas makroekonomi kita masih sahaja berdaya tahan melalui lebihan imbangan perdagangan berjumlah BND4.0 bilion sehingga bulan September, di samping penurunan kadar inflasi sebanyak 0.3 peratus

setakat bulan Oktober 2025. Ini jelas menunjukkan betapa kita masih perlu untuk melipatgandakan lagi usaha merentasi sektor utama dengan lebih berdaya saing.

"InsyaAllah, kita akan terus meneroka peluang pelaburan, selaras dengan Economic Blueprint melalui sektor-sektor utama. Matlamat kita adalah jelas, iaitu bagi menjana peluang pekerjaan berkualiti tinggi dan memastikan negara kekal relevan serta berdaya saing di pentas serantau dan global.

"Ke arah itu, kerajaan juga

akan terus komited menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif, mengukuhkan lagi jaringan dengan rakan-rakan strategik antarabangsa, memperkasa jenama halal, serta melonjakkan eksport produk industri tempatan yang kini dilihat setanding dengan piawaian antarabangsa," titah Kebawah DYMM.

Terdahulu, baginda bertitah merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita dapat memasuki Tahun Masihi 2026.

PERKASA TRANSFORMASI DIGITAL NEGARA, MEMACU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG DINAMIK

■ Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Disember. - Dari sudut memperkasa transformasi digital negara pula, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pelaksanaan projek identiti digital kebangsaan, iaitu Brunei-ID di bawah naungan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, bermula 3 Januari 2026.

Ini akan memudahkan lagi proses pengesahan identiti bagi

mengakses pelbagai perkhidmatan dalam talian kerajaan, yang akan memperkukuhkan lagi tadbir urus digital dan menjadi pemangkin kepada pembangunan Perkhidmatan Awam yang lebih cekap dan selamat, untuk kemudahan rakyat.

Perkara tersebut antara titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan bersempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2026.

Seiring dengan hasrat untuk memacu transformasi negara ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih dinamik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos kepada Syarikat PosBru Sendirian Berhad bermula 1 Januari 2026. Langkah ini adalah khusus untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang awam.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG										
JANUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3	SABTU	13	4.56	5.06	6.29	6.53	12.26	3.47	6.20	7.34
4	AHAD	14	4.56	5.06	6.30	6.54	12.26	3.48	6.20	7.35
5	ISNIN	15	4.57	5.07	6.30	6.54	12.27	3.48	6.21	7.35
6	SELASA	16	4.57	5.07	6.30	6.54	12.27	3.49	6.21	7.36
7	RABU	17	4.58	5.08	6.31	6.55	12.27	3.49	6.22	7.36
8	KHAMIS	18	4.58	5.08	6.31	6.55	12.28	3.50	6.22	7.37
9	JUMAAT	19	4.59	5.09	6.32	6.56	12.28	3.50	6.23	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
SABTU			AHAD			ISNIN				
Bandar Seri Begawan										
30	23		31	24		31	24			
Pekan Bangar										
30	23		31	24		31	24			
Pekan Tutong										
30	23		31	24		31	24			
Kuala Belait										
30	24		30	24		30	24			

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 3 JANUARI 2026

Sokongan ibu bapa menentukan kecemerlangan anak-anak

KITA baru sahaja melangkah ke Tahun Baharu 2026 dengan meninggalkan pelbagai peristiwa manis dan duka yang dilalui sepanjang 2025. Tahun baharu ini sudah setentunya kita kembali sibuk dengan jadual harian masing-masing seperti menghantar dan mengambil anak-anak mahupun dari rumah atau sekolah, kembali bertugas setelah menjalani percutian yang panjang dan sebagainya.

Seperti lazimnya pada awal tahun, kita kembali dengan kesibukan kerja ditambah lagi dengan kepadatan jadual waktu di antara tugas atau kerja dan tanggungjawab sebagai ibu bapa mahupun penjaga.

Hari ini merupakan hari pertama anak-anak mengikuti persekolahan bagi sesi 2026. Sudah setentunya pelbagai persiapan dilaksanakan sebelum anak-anak kembali ke sekolah agar mereka memulakan musim persekolahan ini dengan lebih yakin dan bersemangat.

Bagi memastikan sesi persekolahan anak-anak berjalan dengan lancar, ibu bapa sudah pasti telah membuat persiapan lebih awal secara menyeluruh dari segi kewangan, mental dan fizikal anak-anak supaya mereka dapat memulakan tahun baharu dengan semangat dan azam yang lebih baik.

Sokongan ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kecemerlangan anak-anak. Ini kerana ibu bapa merupakan individu terdekat yang menjadi sumber dorongan, bimbingan dan motivasi anak-anak. Tanpa sokongan yang kukuh daripada ibu bapa, potensi anak-anak sukar berkembang secara maksimum.

Ibu bapa juga hendaklah mempersiapkan mental dan emosi anak-anak sebelum memulakan persekolahan. Ini sangat penting kerana ia membantu anak-anak lebih yakin, berdikari, dan fokus di sekolah, serta berbincang mengenai harapan dan perasaan mereka tentang sekolah bagi menyokong kesediaan mental mereka.

Dengan sentiasa beri galakan, pujian dan sikap prihatin membuatkan anak-anak berasa dihargai serta berani mencuba perkara baharu. Apabila anak-anak menghadapi kegagalan, ibu bapa yang sentiasa memberi kata-kata semangat dapat membantu anak-anak bangkit semula dan tidak mudah berputus asa.

Sokongan dari segi pendidikan juga amat penting. Ibu bapa yang mengambil berat tentang pelajaran anak-anak, menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif dan berkomunikasi dengan guru, dapat membantu meningkatkan prestasi akademik anak-anak. Sikap ini menunjukkan bahawa pendidikan adalah satu keutamaan dalam keluarga.

Dari segi komunikasi pula, ibu bapa juga hendaklah sentiasa terbuka untuk mendengar setiap luahan anak-anak, memahami perasaannya dan memberi bantuan apabila diperlukan sebagai sokongan berterusan.

Selain itu, meluangkan lebih banyak masa bersama anak-anak kerana cara berkenaan boleh memberi impak besar dalam mewujudkan komunikasi yang baik. Anak perlu mengetahui dan percaya bahawa mereka adalah keutamaan dalam kehidupan ibu bapa. – **Ketua Penyuntingan (Sb)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Perkasa transformasi digital negara, memacu penyampaian perkhidmatan yang dinamik

>> Muka 2

"Melalui inisiatif pengkorporatan ini, beta berharap pihak kerajaan akan dapat melipatgandakan lagi usaha transformasi dalam sektor-sektor lain yang memerlukan perkhidmatan kerajaan yang lebih responsif

serta *customer-centric* bagi memenuhi keperluan rakyat dan produktiviti sektor perniagaan di negara ini," titah baginda.

Marilah kita mensyukuri keadaan negara yang istimewa, warisan ugama dan budaya yang kukuh serta semangat perpaduan mempertahankan kedaulatan negara tercinta. Demikian juga, pada

kesempatan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat warga Perkhidmatan Awam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, pasukan-pasukan beruniform yang lain, termasuk mereka yang berkhidmat di sektor swasta dan Badan-badan

Bukan Kerajaan (NGOs) serta golongan belia, di atas komitmen dan usaha gigih mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing sepanjang tahun 2025.

"Selamat Tahun Baharu Masihi 2026 kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, termasuk mereka yang

berada di luar negara. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati kita semua dan mengurniakan kepada Negara Brunei Darussalam keamanan, kesejahteraan, kemakmuran dan keselamatan yang berpanjangan," titah baginda mengakhiri Titah Perutusan bersempena Tahun Baharu Masihi 2026.

DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN PERASMIAAN MASJID

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri dan kanan).

tetamu kehormat majlis telah menyampaikan cenderamata kenangan kepada Ketua Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud, yang telah bersara pada Oktober 2025 atas sumbangan dan khidmat bakti beliau sepanjang tempoh perkhidmatan.

Masjid Kampung Sungai Besar telah mula digunakan pada 1983 dan sehingga kini terus berperanan sebagai pusat ibadah, dakwah serta kegiatan kemasyarakatan bagi penduduk Kampung Sungai Besar dan kawasan sekitarnya.

Sepanjang 42 tahun penubuhannya, masjid berkenaan terus dimakmurkan oleh jemaah di samping peranan AJKT, Unit Muslimah, belia dan beliawanis yang aktif



menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan seperti ceramah ugama, kelas pengajian Al-Quran serta program kemasyarakatan yang melibatkan semua lapisan masyarakat.

Masjid Kampung Sungai Besar telah siap dibina pada 1 Oktober 1982 dan telah menikmati pelbagai kejayaan dalam menyatupadukan

jemaah menerusi pelbagai aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.

Masjid berkenaan telah dibuka secara rasmi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Menteri Pelajaran (ketika itu), pada 1 Januari 1984.

>> Muka 1

Turut hadir, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri; Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram; dan Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit. Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, seterusnya disusuli

dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Pengiran Hassan Basri bin Pengiran Haji Ismail.

Kemudian, tetamu kehormat majlis mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar.

Sebagai tanda penghargaan dan mengenang jasa bakti,

جاہلیہ کاجی چوچا بروني دارالسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

KALENDAR 2026

akan diedarkan secara *walk-in* mulai :

ISNIN 15 Rejab 1447H
5 Januari 2026M

HINGGA RABU 17 Rejab 1447H
7 Januari 2026M

JAM : 1.30 PETANG - 3.30 PETANG

Ibu Pejabat Jabatan Penerangan
Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Daerah Brunei dan Muara

Cawangan Penerangan Daerah Tutong,
Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan,
Daerah Tutong

Cawangan Penerangan Daerah Belait
Jalan Lorong Bolkiah, Seria,
Daerah Belait

Cawangan Penerangan Daerah Temburong
Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan, Bangar,
Daerah Temburong

PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP



EZZA Harzirena anak Enarati memilih agama Islam sebagai pegangan hidup dengan melafazkan dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman (kiri sekali). Sementara gambar kiri, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Bimbingan Asas selama 14 hari serta Kursus Bimbingan Lanjut 1 dan 2.

Ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan asas agama Islam dan melahirkan muallaf yang berilmu, beriman dan beramal.

Mengikut statistik, seramai 274 orang telah memeluk Islam di Negara Brunei Darussalam dari 1 Januari hingga 29 Disember 2025, dengan 70 orang daripadanya dari Daerah Tutong. Manakala pada tahun baharu 2026, seramai tiga orang telah memeluk Islam di Daerah Tutong.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Jumaat, 2 Januari. - Seorang wanita berbangsa Dayak, Ezza Harzirena anak Enarati, berumur 17 tahun telah memilih agama Islam sebagai pegangan hidup dengan melafazkan dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman yang diadakan petang tadi bertempat di kediamannya di Kampung Layong, di sini.


Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Ezza Harzirena anak Enarati yang

memilih nama Islam Dayang Nur Ezza Harzirena binti Enarati.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati daripada Pusat Da'wah Islamiah (PDI) kepada saudara baharu yang diraikan. Majlis turut diserikan lagi dengan Dikir Marhaban dan taburan bunga rampai sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat. Setiap muallaf yang baharu memeluk Islam akan diberi bimbingan melalui kursus-kursus dikendalikan oleh PDI termasuk

Kursus Bimbingan Pengenalan selama 10 hari, Kursus Skim



**PANDU DENGAN PERLAHAN.
KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J
AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN
AWDA MELUNCUR**

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49

68

bruneivweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

BruneiID memudahkan akses perkhidmatan digital kerajaan

>> Muka 1


Inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkukuh tadbir urus digital negara serta memudahkan akses orang ramai kepada perkhidmatan digital kerajaan secara selamat, mudah dan mesra pengguna.

BruneiID membolehkan rakyat dan penduduk melakukan pengesahan identiti secara digital semasa mengakses perkhidmatan kerajaan dalam talian, menggunakan mekanisme log masuk tunggal yang disokong oleh pengesahan biometrik.

Dibangunkan berasaskan prinsip keselamatan dan privasi yang kukuh, pengesahan biometrik dilaksanakan secara setempat pada peranti pengguna, manakala data peribadi dilindungi selaras dengan keperluan keselamatan serta perlindungan data yang ditetapkan oleh kerajaan.

Pada peringkat awal pelaksanaan, BruneiID akan menyokong pengesahan identiti berdasarkan maklumat Kad Pengenalan (IC) untuk mengakses platform digital kerajaan terpilih seperti Public Service Commission Recruitment (PSC), portal Business Reporting, TransportBN, BruHealth, e-Undi dan aplikasi mudah alih Talian Darussalam 123 (TD123).

InsyaaAllah, perkhidmatan digital kerajaan yang lain akan diintegrasikan secara berperingkat-peringkat bagi



BRUNEIID akan menyokong pengesahan identiti berdasarkan maklumat Kad Pengenalan untuk mengakses platform digital kerajaan terpilih.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

memastikan pelaksanaan yang teratur dan selaras dengan keperluan tadbir urus, keselamatan dan perlindungan data, seiring transformasi digital perkhidmatan awam negara dan seiring dengan landskap pelan digital ekonomi kebangsaan.

Pendaftaran BruneiID boleh dibuat melalui aplikasi mudah alih BruneiID yang boleh dimuat turun melalui Apple App Store dan Google Play Store mulai 3 Januari 2026.

Maklumat lanjut, termasuk panduan pengguna serta saluran maklum balas, boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi BruneiID di www.brunei-id.gov.bn. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk memberikan maklum balas bagi menyokong penambahbaikan berterusan BruneiID.

Bagi sebarang pertanyaan atau bantuan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 (TD123).

Pendaftaran Peperiksaan BCGCE 'O', 'AS', 'A', IGCSE Mei / Jun dibuka 3 Januari

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Jumaat, 2 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan akan membukakan pendaftaran bagi Peperiksaan Brunei - Cambridge GCE Peringkat 'O', 'AS', 'A' dan IGCSE bagi bulan Mei / Jun 2026 bermula pada Sabtu, 3 Januari 2026 hingga Khamis, 12 Februari 2026.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperoleh dari Kaunter Jabatan Peperiksaan bertempat di Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan (Blok C, Aras Bawah Bangunan Kementerian Pendidikan Lama, Lapangan Terbang Lama Berakas) semasa waktu pejabat dibuka.

Borang pendaftaran juga boleh dimuat turun, senarai mata pelajaran yang ditawarkan dan Surat Pemberitahuan Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Bilangan 1/2026 dari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan dan dokumen yang telah lengkap serta pembayaran hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan melalui Kaunter Jabatan Peperiksaan di Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan tidak lewat daripada Khamis, 12 Februari 2026 pada tarikh dan jam yang telah ditetapkan.

TARIKH	HARI	SESI PAGI	SESI PETANG
3 hingga 31 Januari 2026	Isnin hingga Khamis	8:00 pagi hingga 11:30 pagi	2:00 petang hingga 2:45 petang
	Sabtu	8:00 pagi hingga 10:00 pagi	-
2 hingga 12 Februari 2026	Isnin hingga Khamis	8:00 pagi hingga 11:30 pagi	-
	Sabtu	8:00 pagi hingga 10:00 pagi	-

SEPASANG SUAMI ISTERI PUAKE DUSUN PELUK ISLAM

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Khamis, 1 Januari. - Sepasang suami isteri daripada puak Dusun, Awang Zaman bin Yala, 83 tahun, dan isterinya, Dayang Niat binti Inggong, 78 tahun telah memilih agama Islam sebagai pegangan hidup dengan melafazkan dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman yang diadakan pagi tadi di kediaman mereka di Kampung Long Mayan, Daerah Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

Juga hadir, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri; dan Pemangku Pengarah Pusat

Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Awang Zaman yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Zaman bin Abdullah Yala; dan diikuti oleh isteri beliau, Dayang Niat yang memilih nama Islamnya, Dayang Nur Ahhiyah Husna binti Abdullah Inggong.

Acara diteruskan dengan penyampaian cenderamata dari PDI kepada saudara baharu yang diraikan.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban serta menabur bunga rampai dan diakhiri dengan bacaan

Doa Selamat.

Setiap mualaf yang baharu memeluk agama Islam diberi bimbingan melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh PDI, iaitu Kursus Bimbingan Pengenalan selama 10 hari, Kursus Skim Bimbingan Asas selama 14 hari dan seterusnya Kursus Bimbingan Lanjut 1 dan 2.

Pelaksanaan kursus-kursus berkenaan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan asas agama Islam dan melahirkan mualaf yang berilmu, beriman dan beramal.

Mengikut statistik, jumlah keramaian orang yang memeluk agama Islam di Negara Brunei Darussalam bermula pada 1 Januari 2025 hingga 29 Disember 2025 ialah seramai 274 orang. Daripada jumlah berkenaan, 70 orang adalah dari Daerah Tutong.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Kempen Kebersihan Pantai di Taman Rekreasi Hutan Berakas



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Rabu, 31 Disember. - Taman Rekreasi Hutan Berakas akan ditutup sementara bagi orang ramai mulai 1 Januari 2026 bagi memberi laluan kepada pelaksanaan projek pembangunan semula ekopelancongan di bawah perjanjian kerjasama selama 20 tahun antara Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta Borneo Eco-Resort Sendirian Berhad.

Inisiatif strategik tersebut bertujuan untuk membangun, mengendali dan memelihara infrastruktur ekopelancongan yang moden dan lestari, di samping memastikan pemuliharaan persekitaran semula jadi Taman Rekreasi Hutan Berakas terus terpelihara. Pembangunan berkenaan akan menumpukan kepada peningkatan pengalaman pengunjung, pengukuhan kemudahan mesra alam serta pengukuhan daya tarikan taman

tersebut sebagai destinasi pelancongan alam semua jadi bagi pasaran domestik dan antarabangsa.

Projek ini juga dijangka dapat mewujudkan peluang pekerjaan, merencanakan peluang perniagaan Perusahaan Kecil dan Sederhana serta menyokong pembangunan pelancongan berasaskan pemuliharaan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kerjasama tersebut mencerminkan komitmen Kerajaan NBD dalam menggalakkan penglibatan sektor swasta secara strategik dalam pembangunan industri pelancongan berasaskan alam semula jadi, sejajar dengan usaha menarik pelaburan yang mampan demi pertumbuhan jangka panjang sektor pelancongan negara.

Bagi menandakan penutupan sementara taman tersebut serta sebagai simbol komitmen bersama terhadap pemuliharaan alam sekitar, KSSUP bersama Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. pagi tadi mengadakan Kempen Kebersihan Pantai yang berlangsung di Taman Rekreasi Hutan Berakas, di sini.

Aktiviti berkenaan bertujuan untuk menghimpunkan kakitangan dan rakan strategik bagi menyokong usaha



AKTIVITI berkenaan bertujuan untuk menghimpunkan kakitangan dan rakan strategik bagi menyokong usaha pemuliharaan kawasan pesisir pantai serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar (atas kiri dan atas).

pemuliharaan kawasan pesisir pantai serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar.

Seiring dengan pelaksanaan program berkenaan, penyerahan kunci tapak serta pemasangan papan tanda penutupan sementara turut dilaksanakan oleh Borneo Eco-Resort Sdn. Bhd. dengan kerjasama Jabatan

Perhutanan.

KSSUP yakin bahawa projek pembangunan semula berkenaan akan memperkasa Taman Rekreasi Hutan Berakas sebagai destinasi ekopelancongan terkemuka, selaras dengan aspirasi negara ke arah kelestarian alam sekitar, pemuliharaan warisan semula jadi serta kepelbagaian produk pelancongan NBD.

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

3

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

BANTU MERINGANKAN BEBAN MANGSA BENCANA

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Disember. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), telah menyalurkan bantuan kewangan berjumlah keseluruhan BND9,625 kepada lapan orang ketua keluarga.

Majlis berlangsung di Dewan Citra Budaya, KKBS, di sini.

Daripada lapan ketua keluarga yang menerima bantuan kewangan hari ini, seramai empat ketua keluarga adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian kebakaran, dua ketua keluarga terlibat dalam kejadian rumah roboh, seorang

PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana (kanan dan kanan sekali).

ketua keluarga terlibat dalam angin kencang dan seorang ketua keluarga terlibat dalam kejadian banjir.

Sementara itu, seorang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran telah diberikan bantuan keperluan asasi dan catuan makanan.

Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana berkenaan dalam keadaan selamat dan tidak mengalami



sebarang kecederaan.

Pemberian bantuan kewangan berkenaan adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan

mereka sekeluarga.

Usaha berkenaan menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.



Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa - mangsa bencana, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh.

BDCB terbitkan BSI bagi November 2025

■ Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

>> Muka 1

BSI bertujuan untuk mengukur tahap keyakinan perniagaan di NBD dalam pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja dan kos menjalankan perniagaan.

Pendekatan BSI secara proaktif membolehkan data dan maklumat yang dikumpul dijadikan sebagai indikator awal untuk mengenal pasti kedudukan makroekonomi negara.

Indeks utama BSI, iaitu sub-indeks keadaan perniagaan, dicatat pada tahap 50 pada November 2025, menunjukkan keadaan perniagaan keseluruhan yang serupa dengan bulan sebelumnya. Kebanyakan perniagaan mendapati keadaan seperti biasa dengan tiada perubahan yang ketara dari Oktober 2025, justeru menyumbang kepada sentimen neutral.

Di samping itu, laporan daripada perniagaan yang lain didapati bercampur optimistik dan pesimistik. Pandangan optimistik didorong oleh projek-projek baharu, aktiviti promosi, tahap permintaan yang lebih tinggi berkaitan dengan acara-acara dan peningkatan aktiviti selepas musim peperiksaan.

Manakala pandangan pesimistik didorong oleh peningkatan perjalanan rentas sempadan yang mengurangkan perbelanjaan pengguna di dalam negeri.

Indeks bagi satu bulan (1M) ke hadapan pula berada pada 50.1, menunjukkan bahawa kebanyakan perniagaan agak

optimistik terhadap prospek di bulan Disember 2025 melalui penerimaan gaji termasuk bonus, jualan akhir tahun, aktiviti membeli-belah sempena kembali ke sekolah dan perayaan dijangka akan meningkatkan perbelanjaan para pengguna.

Selain itu, perniagaan juga menjangka projek-projek baharu menjelang tahun baharu, manakala beberapa perniagaan yang lain mungkin akan mengalami gangguan berkaitan cuaca dan penamatan kontrak.

Sub-indeks pelaburan berada pada 50.5 bagi bulan semasa, 50.4 untuk 1M ke hadapan dan 50.7 untuk tiga bulan (3M) ke hadapan, mencerminkan bahawa tahap pelaburan akan meningkat pada November 2025 dan terus meningkat dalam beberapa bulan akan datang.

Bagi November dan Disember 2025, kebanyakan perniagaan meramal tahap pelaburan yang lebih tinggi disebabkan oleh perancangan berkaitan dengan penyelesaian projek akhir tahun, termasuk pembelian mesin, menaik taraf peralatan dan aktiviti pengubahsuaian.

Peniaga-peniaga menjangka pelaburan akan terus meningkat dalam beberapa bulan akan datang, terutamanya bagi persediaan untuk permintaan musim perayaan seperti Tahun Baharu Cina dan Hari Raya Aidilfitri, permulaan projek baharu, penganugerahan tawaran projek, pembelian mesin baharu, pengubahsuaian dan pembukaan cawangan baharu.

Sub-indeks pekerjaan berada pada 49.9 bagi bulan semasa dan 1M ke hadapan. Kedua-dua sub-indeks menunjukkan

pandangan sedikit pesimistik disebabkan penurunan yang kecil dalam jumlah pekerja. Ini terutamanya didorong oleh pengurangan tenaga kerja berkaitan dengan penyelesaian beberapa projek besar, pengurangan skop kerja atau pengecilan saiz perniagaan (*downsizing*), serta peletakan jawatan atau penamatan kontrak pekerja tanpa penggantian segera.

Walau bagaimanapun, penurunan berkenaan disifatkan sebagai sementara sahaja, dan banyak perniagaan telah menyatakan rancangan untuk mengambil pekerja gantian dan mengekalkan tenaga kerja yang sedia ada.

Sub-indeks kos ialah 49.6 bagi bulan semasa dan 50.6 bagi 1M ke hadapan, menunjukkan bahawa kos dijangka menurun pada November 2025 dan meningkat pada Disember 2025.

Beberapa perniagaan menyatakan jangkaan kos yang lebih rendah pada November 2025 disebabkan oleh penyelesaian projek besar dan kelembapan bermusim. Sesetengah responden juga menjangka pengurangan perbelanjaan bahan mentah, penyewaan mesin, dan penyelenggaraan kenderaan.

Banyak perniagaan secara amnya menjangka kos yang lebih tinggi pada Disember 2025, didorong oleh pembayaran bonus tahunan dan perbelanjaan berkaitan dengan projek. Selain itu, peningkatan perbelanjaan untuk aktiviti jerayawara (*roadshow*), pengiklanan, acara-acara jualan musim percutian dan kempen akhir tahun turut menyumbang kepada kos yang lebih tinggi pada bulan berkenaan.

Penutupan sementara Balai Pameran PDI

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Pusat Da'wah Islamiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Disember. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Balai Pameran PDI akan ditutup sementara bermula pada hari Khamis, 11 Rejab 1447 Hijrah bersamaan 1 Januari 2026 Masihi sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Penutupan sementara ini adalah bagi membolehkan kerja-kerja menaik taraf yang dilaksanakan di Balai Pameran tersebut agar berjalan dengan lancar.

Balai Pameran PDI akan dibuka semula kepada orang ramai setelah kerja-kerja menaik taraf berkenaan selesai dilaksanakan.




Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di

www.bdc.gov.bn.

Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

REBUT FADILAT MEMBACA SURAH AL-KAHFI



Siaran Akhbar dan Foto : Masjid Kampung Sungai Besar

SUNGAI BESAR, Jumaat, 2 Januari. - Masjid Kampung Sungai Besar telah menganjurkan Program Membaca Surah Al-Kahfi Berjemaah sebagai usaha berterusan bagi mengimarahkan masjid dan menghidupkan amalan sunnah serta memupuk budaya cintakan Al-Quran khususnya dalam

kalangan jemaah. Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Haji Awang Zaini bin Haji Awang Damit menjelaskan bahawa ibadah berkenaan bertujuan menggalakkan amalan membaca Surah

Al-Kahfi secara istiqamah, khususnya pada Jumaat, di samping memberi kefahaman kepada jemaah mengenai kepentingan dan kelebihan surah tersebut.


Menurut beliau lagi, program seumpama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada jemaah, malah menyumbang kepada usaha mengimarahkan Masjid Kampung Sungai Besar sebagai pusat ibadah, pendidikan dan penyatuan masyarakat.

Beliau turut menyatakan bahawa peranan masjid sebagai nadi pembangunan ummah di peringkat kampung perlu terus diperkasakan melalui pengisian kerohanian yang berterusan.

Hadir sama menyertai program berkenaan ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan Ahli Jawatankuasa Takmir serta jemaah Masjid Kampung Sungai Besar.

Bacaan Surah Al-Kahfi telah dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Pengiran Hassan Basri bin Haji Pengiran Haji Ismail yang juga membacakan Doa Selamat.

PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan Ahli Jawatankuasa Takmir serta jemaah Masjid Kampung Sungai Besar hadir sama menyertai program berkenaan.



PROGRAM seumpama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada jemaah, malah menyumbang kepada usaha mengimarahkan Masjid Kampung Sungai Besar sebagai pusat ibadah, pendidikan dan penyatuan masyarakat.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kalorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

كمنترين كصحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

پنڟيسانان اوائل ڊاڤت منڃيلامات نڃاوا
Selamatkan Usus Awda

Komited memberikan perkhidmatan pos yang berdaya saing, berpusatkan pelanggan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Disember. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) telah dikorporatkan menjadi Syarikat PosBru Sendirian Berhad (PosBru) berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

Kesemua perkhidmatan pos di bawah kawalan JPP kini dipindahkan sepenuhnya kepada PosBru, iaitu sebuah anak syarikat milik penuh Syarikat Darussalam Assets Sendirian Berhad (Darussalam Assets), dan akan beroperasi sebagai 'Public Postal Licensee' di bawah kawalan selia Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AITI).

Sebagai pentadbiran pos Negara Brunei Darussalam di bawah naungan Kesatuan Pos Sedunia, PosBru akan terus menyediakan perkhidmatan pos yang menyeluruh kepada masyarakat.

Pada masa yang sama, PosBru berhasrat untuk muncul sebagai sebuah syarikat yang berdaya saing, mampan dan komited dalam menawarkan perkhidmatan yang berkualiti tinggi serta memenuhi keperluan pelanggan secara

profesional.

PosBru juga akan terus memperkukuh usaha pengubahsuaian berterusan demi menjana perubahan positif kepada kehidupan masyarakat melalui industri perkhidmatan pos dan bungkusan (*parcel*), sekali gus menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara.

Selaras dengan langkah pengkorporatan ini, PosBru ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa kadar perkhidmatan pos bagi surat dan *parcel* akan dikekalkan tanpa sebarang perubahan.

Semua perkhidmatan dan operasi di cawangan-cawangan PosBru sedia ada akan diteruskan seperti biasa dan proses peralihan tidak akan menjejaskan perkhidmatan sedia ada serta urusan harian dengan orang ramai.

Selain itu, proses revitalisasi kesemua cawangan PosBru, yang merangkumi penjenamaan semula serta penambahbaikan reka bentuk dalaman, akan dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan operasi harian

berjalan lancar serta menjamin peralihan yang efisien tanpa gangguan besar kepada pelanggan dan penyewa.

Hari urus niaga cawangan-cawangan PosBru adalah pada hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu, manakala cawangan ditutup pada hari Jumaat, Ahad dan cuti umum.

Jam urus niaga bagi BSB General Post Office serta Pejabat Pos Cawangan Rimba, Bunut, Limau Manis, Lumapas, Salambigar, Telisai, Lamunin dan Bangar adalah dari 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.30 petang hingga 3.00 petang, manakala pada bulan Ramadan dari 8.15 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Sementara itu, bagi Mail Processing Centre (MPC) serta Pejabat Pos Cawangan Gadong, Seri Kompleks, Muara, Sengkulong, Tutong, Seria, Mumong dan Lumut, akan beroperasi dari pukul 8.00 pagi hingga 3.00 petang dan pada bulan Ramadan dari 8.15 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut

Siaran Akhbar dan Infografik : Syarikat PosBru Sendirian Berhad

mengenai perkhidmatan dan tawaran PosBru, orang ramai boleh menghubungi pihak PosBru melalui e-mel di feedback@posbru.com.bn,

laman sesawang rasmi www.posbru.com.bn atau media sosial PosBru di Facebook, Instagram dan TikTok melalui [@PosBru.bn](https://www.instagram.com/PosBru.bn).

Nama Cawangan	Jam Urus Niaga	Jam Urus Niaga dibulan Ramadhan
BSB General Post Office	8.00 Pagi - 12.00 Tengah Hari / 1.30 Petang - 3.00 Petang	8.15 Pagi - 12.30 Tengah Hari
Pejabat Pos Rimba		
Pejabat Pos Bunut		
Pejabat Pos Limau Manis		
Pejabat Pos Lumapas		
Pejabat Pos Salambigar		
Pejabat Pos Telisai		
Pejabat Pos Lamunin		
Pejabat Pos Bangar		

Cawangan	Jam Urus Niaga	Jam Urus Niaga dibulan Ramadhan
Mail Processing Centre (MPC)	8.00 Pagi - 3.00 Petang	8.15 Pagi - 12.30 Tengah Hari
Pejabat Pos Gadong		
Pejabat Pos Seri Kompleks		
Pejabat Pos Muara		
Pejabat Pos Sengkulong		
Pejabat Pos Tutong		
Pejabat Pos Seria		
Pejabat Pos Mumong		
Pejabat Pos Lumut		

RAIH KEBERKATAN DI BULAN REJAB



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Disember. - Bertepatan dengan keberkatan bulan Rejab serta menjelang penghujung tahun 2025, Pertubuhan WARGAMAS telah mengadakan Majlis Bacaan Tahlil Arwah, Penyampaian Sumbangan Derma kepada Ahli Keluarga Pertubuhan WARGAMAS yang telah kembali ke rahmatullah serta Penyampaian Sumbangan kepada Fakir Miskin, Warga Emas dan Asnaf Zakat.

Majlis tersebut berlangsung baru-baru ini di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkihah, Serusop.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah mantan Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) selaku Ahli Jemaah Penasihat Pertubuhan WARGAMAS, Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman.

Turut hadir, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan disampaikan oleh Yang Dipertua merangkap Pengerusi Pertubuhan WARGAMAS, Awang

Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don.

Beliau antara lain menzahirkan rasa kesyukuran kerana majlis berkenaan diadakan dalam bulan yang mulia, menjelang Syaaban dan seterusnya Ramadan yang penuh keberkatan.

Beliau seterusnya mengongsikan bahawa sejak tahun 2021, Pertubuhan WARGAMAS sentiasa komited dalam memperkukuhkan keimanan serta amalan ibadah pimpinan dan ahli-ahlinya, khususnya sepanjang bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan yang sinonim dengan pelaksanaan amalan membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, ziarah kubur, bertadarus, Solat Tarawih dan Witr, serta mengimarahkan masjid dengan pelbagai amal ibadah.

Majlis turut diselajarkan dengan bacaan Tahlil dan Doa Khas yang dihadiahkan kepada sanak saudara serta sahabat Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS dan *perindungan* masing-masing yang telah kembali ke rahmatullah, khususnya mantan penasihat, ahli jawatankuasa serta ahli pertubuhan.

Awang Haji Abu Bakar juga merakamkan penghargaan serta mengenang jasa atas segala bakti yang telah dicurahkan oleh mantan penasihat, ahli jawatankuasa dan Ahli Pertubuhan WARGAMAS yang telah kembali ke rahmatullah kepada pertubuhan tersebut melalui amanah, tugas dan tanggungjawab masing-masing, dengan harapan segala amalan berkenaan mendapat ganjaran pahala yang setimpal di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau menzahirkan ucapan takziah kepada ahli keluarga para Allahyarham dan mendoakan agar mereka terus tabah, sabar serta reda menerima ketentuan Ilahi, di samping mengingatkan bahawa kehidupan di dunia hanyalah



YANG Dipertua merangkap Pengerusi Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don semasa berucap (kiri), manakala gambar atas, sesi bergambar ramai pada majlis berkenaan.

pinjaman dan setiap insan pasti akan kembali kepada-Nya.

Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS seterusnya mengumumkan tiga projek dan program yang akan dilaksanakan oleh Pertubuhan WARGAMAS pada Januari dan Februari 2026 iaitu Program WARGAMAS Inspirasi Ekonomi, mesyuarat agung tahunan dan lawatan ke Surabaya, Republik Indonesia.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma daripada Pertubuhan WARGAMAS kepada ahli keluarga pertubuhan yang telah kembali ke rahmatullah, disampaikan oleh tetamu kehormat.

Manakala seramai 10 orang golongan asnaf zakat yang diundang melalui senarai asnaf Majlis Ugama Islam Brunei turut menerima sumbangan daripada hamba-hamba Allah, di samping infak berupa bekalan makanan asas hasil sumbangan ikhlas pimpinan dan Ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS.

Dengan penganjuran majlis berkenaan, diharapkan agar ia dapat terus menyemai semangat berkongsi rezeki kepada insan-insan yang memerlukan dalam kalangan ahli pertubuhan

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Pertubuhan WARGAMAS

khususnya serta masyarakat di negara ini amnya, di samping bersama-sama memohon keberkatan hidup yang sentiasa dilimpahi dengan reda dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.


جابتن تناک
 JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TIP PENJIMATAN TENAGA

PETI SEJUK

-  **Pastikan pintu peti sejuk sentiasa ditutup rapat.**
-  **Pastikan makanan dan minuman panas dibiarkan sejuk terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam peti sejuk.**
-  **Pastikan ruang 10 hingga 15 cm antara peti sejuk dan dinding untuk pengudaraan.**



Membangkitkan nostalgia warisan, identiti budaya Melayu



JERUDONG, Rabu, 31 Disember. – Suasana Majlis Perkahwinan pasangan pengantin Awang Abdul Tha'if Qayyum bin Mustafa dengan pasangannya, Dayang Sharifah Nurhamizah binti Wan Mohd. Nor Sani yang berlangsung di Dewan Al-Barakah, Parkview Hotel, baru-baru ini telah merakamkan detik-detik kemanisan mengembalikan nostalgia zaman dahulu apabila ahli keluarga dan sanak saudara serta para tetamu mengenakan busana bertemakan Melayu klasik.

Kemeriahan majlis berkenaan seolah-olah seperti berada pada zaman dahulu. Pelbagai lapisan usia terserlah anggun dan segar dengan mengenakan sentuhan kreativiti pakaian tradisional

Melayu klasik mereka masing-masing.

Bagi kaum hawa, ada yang tampil dengan baju kebaya mahupun Baju Kurung jenis songket dilengkapi dengan tudung dan selendang. Manakala kaum adam pula kebanyakannya memperagakan Baju Melayu jenis songket, iaitu potongan berkolar Teluk Belanga dan potongan berkolar Cekak Musang dipadankan dengan kain samping dan daster pelbagai rekaan unik.

Menariknya lagi, keindahan majlis berkenaan semakin bersemarak dengan adanya pengisian susunan majlis turut mengembalikan tradisi budaya Melayu, iaitu pengantin lelaki diusung menggunakan 'tandu' atau diangkat oleh ahli keluarga

dan sanak saudara menuju ke pelamin.

Ia diiringi dengan paluan hadrah, nyanyian selawat, dan pelbagai hiasan klasik seperti bunga manggar, selaras dengan tema tradisional Melayu yang memiliki nilai kekayaan dan keunikan tersendiri.

Berkesempatan ditemu bual Pelita Brunei, bapa dan ibu pengantin lelaki, PW2 (B) Awang Mustafa bin Tamin dan Dayang Nani binti Punggut antaranya mengongsikan mereka memilih tema Melayu klasik di Majlis Perkahwinan anak mereka kerana ia melambangkan estetika dan seni yang elegan dan tidak lapuk ditelan zaman.

"Dengan memperkasa tema Melayu klasik ini, pastinya ia juga mampu membangkitkan nostalgia terhadap warisan budaya serta menjadi simbol kebanggaan dan identiti budaya Melayu kita serta dapat memperlihatkan kepada

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Ihsan PW2 (B) Awang Mustafa Tamin, Dayang Nani Punggut

generasi baru tentang keindahan dan kemegahan baju klasik Melayu.

"Sebagai perindungan, kami begitu berharap agar dapat mengekalkan dan memperlihatkan pakaian Melayu klasik kepada anak-anak muda kita agar status pakaian ini tidak hilang begitu sahaja.

"Kalau bukan kita yang mempertahankannya, siapa lagi. Maka dalam hal ini begitu penting untuk kita terus membuka minda semua pihak dalam sama-sama menyerlahkan kekayaan dan keunikan budaya yang dimiliki oleh bangsa Melayu kita yang telah diwarisi daripada nenek moyang sejak dulu lagi," ujar mereka.



SUASANA Majlis Perkahwinan pasangan pengantin Awang Abdul Tha'if Qayyum bin Mustafa dengan pasangannya, Sharifah Nurhamizah binti Wan Mohd. Nor Sani merakamkan detik-detik kemanisan mengembalikan nostalgia zaman dahulu (atas kiri dan kanan).

MEMPERKASA HAK, POTENSI KOMUNITI OKP



ANTARA aktiviti yang diikuti dan dianjurkan oleh Persatuan OKP (kiri dan kanan).

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Yang Dipertua Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Disember. - Persatuan Orang Kurang Pendengaran (OKP) Kebangsaan terus membuktikan peranannya sebagai sebuah persatuan yang aktif, progresif dan berwibawa dalam memperjuangkan hak serta memperkasakan komuniti pekak atau kurang pendengaran di Negara Brunei Darussalam

(NBD) sejak penubuhan persatuan tersebut hampir dua dekad lalu.

Semasa temu bual bersama Yang Dipertua Persatuan OKP, Pengiran Haji Norahalin bin BPHA Rahman berkongsi mengenai sejarah, latar belakang dan perkembangan yang telah dicapai oleh persatuan terutama dalam menyantuni ahli-ahli persatuan seraya komuniti

kurang pendengaran atau pekak.

Menurutnya, Persatuan OKP secara rasminya ditubuhkan pada 28 Julai 2009 dan sejarah penting bagi persatuan ini mula terlarak dengan Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Kali Pertama pada 13 Jun 2010 bertempat di Balai Sarmayuda Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Majlis bersejarah tersebut telah dirasmikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri

Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, yang merupakan Menteri Pembangunan pada ketika itu, sekali gus menandakan pengiktirafan kerajaan terhadap peranan penting Persatuan OKP dalam pembangunan sosial negara.

Dari aspek kepimpinan dan tadbir urus, Persatuan OKP ini diterajui oleh beliau sendiri sebagai Yang Dipertua (YDP) bagi Sesi 2022 hingga 2027. Beliau juga turut dibantu oleh barisan ahli jawatankuasa yang sangat berdedikasi, komited dan berpengalaman.

YDP persatuan seterusnya menjelaskan setakat Oktober 2025, keahlian persatuan telah mencecah seramai 317 orang, sekali gus mencerminkan keyakinan dan sokongan berterusan komuniti Orang Kelainan Upaya (OKU) pendengaran terhadap Persatuan OKP sebagai platform perjuangan dan kebajikan.

Sepanjang tempoh penubuhannya, Persatuan OKP telah berjaya melaksanakan hampir 200 aktiviti, merangkumi aspek sosial, pendidikan, kebudayaan dan sukan.

Antara pencapaian yang membanggakan ialah kejayaan dua artis kembar OKP yang dijemput untuk mempamerkan karya lukisan di #MASAGI ASEAN Disability Art Exhibition pada bulan September lepas.

Selanjutnya, YDP berkongsi, manakala dalam bidang sukan, atlet OKP telah beberapa kali mengharumkan nama negara apabila berhasil memungut tiga pingat gangsa di Temasya 2nd SEA Deaf Games yang berlangsung di Jakarta, Republik Indonesia 2025.

Selain itu, atlet OKP juga terus mengharumkan bukan saja nama persatuan, malah nama negara apabila mereka menempa kejayaan sebagai juara futsal jemputan bagi Sarawak Deaf Community Sports, 2019 serta kejohanan futsal anjuran Persatuan Bersatu pada 2021.

Kejayaan ini, tambahnya secara tidak langsung membuka peluang kepada pasukan futsal Persatuan OKP untuk menyertai Liga Futsal Kebangsaan Brunei 2022 di bawah jemputan Football Association of Brunei Darussalam (FABD).

Apa yang lebih membanggakan ialah apabila Persatuan OKP dijadualkan untuk menjadi tuan rumah bagi 1st ASEAN Deaf Round Table Meeting pada tahun 2026.

Selain menekankan aspek sukan jelasnya, Persatuan OKP juga menitikberatkan dalam bidang komunikasi dan interaksi. Sehubungan itu, bahasa isyarat telah menjadi jambatan inklusiviti

bagi persatuan tersebut.

Menurut YDP persatuan lagi, mereka menekankan kepentingan pembelajaran Bahasa Isyarat Brunei (BIB) sebagai platform interaksi dan komunikasi antara komuniti pekak dan masyarakat umum.

Beliau menambah, penguasaan bahasa isyarat bukan saja mampu memperkukuh komunikasi dua hala, malah mempercepatkan bantuan kecemasan, menghapuskan stigma masyarakat serta membuka peluang ekonomi, menjana pendapatan dan mencapai kejayaan yang lebih luas kepada ahli persatuan.

Menyentuh mengenai hala tuju persatuan, YDP seterusnya menjelaskan, menjelang tahun 2026 persatuan merangka beberapa hala tuju yang berfokus kepada digitalisasi, kelestarian ekonomi, advokasi dasar, pembangunan kepimpinan muda serta pementapan kesihatan fizikal dan mental para ahli persatuan.

Perancangan ini, jelasnya, sejajar dengan aspirasi negara ke arah masyarakat yang inklusif, berdaya saing dan berteraskan kesejahteraan holistik.

Selain aktiviti berkala, persatuan juga meneruskan aktiviti yang lazim dijalankan termasuk Deaf Awareness Week, Hari Antarabangsa OKU, OKP Prihatin, Majlis Iftar, Sambutan Hari Raya, Perbarisan Hari Kebangsaan serta penyertaan dalam Kejohanan Sukan OKP di peringkat serantau dan antarabangsa tertakluk kepada jemputan rasmi dari negara penganjur.

Manakala bagi perancangan ke hadapan dan seterusnya, YDP persatuan berharap agar advokasi hak OKU pendengaran akan dapat terus diperkasakan melalui penguatkuasaan dasar yang inklusif, peluasan peluang pekerjaan, pendidikan mesra OKU, sokongan kesihatan mental seta pemanfaatan teknologi bantuan berasaskan Kecerdasan Buatan (AI).

Di samping itu, persatuan juga beriltizam untuk terus menjadi suara yang mengubah persepsi masyarakat daripada simpati semata-mata kepada penghormatan terhadap hak, potensi dan martabat komuniti orang kurang pendengaran.

Dengan semangat kebersamaan (*togetherness*) dan sokongan padu daripada pelbagai pihak, YDP OKP berharap dan yakin persatuan ini mampu terus melangkah jauh dan menjadi pemangkin perubahan ke arah sebuah masyarakat NBD yang benar-benar inklusif dan berperikemanusiaan.

Pertumbuhan ekonomi NBD dijangka lebih mampan

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Disember. - Prospek pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) pada tahun 2025 dijangka lebih mampan, berikutan pengeluaran minyak dan gas hulu serta hiliran yang dijangka lebih stabil menjelang akhir tahun, di samping perkembangan dalam projek-projek pelaburan langsung asing dan pelaksanaan projek-projek strategik di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12).

Perkara tersebut dimaklumkan dalam Kenyataan Dasar BDCB kali kedua bagi tahun 2025 yang dikeluarkan hari ini.

Dalam kenyataan yang sama, BDCB turut mengongsikan bahawa International Monetary Fund (IMF) telah menaikkan unjuran pertumbuhan ekonomi global kepada 3.2 peratus bagi tahun 2025 dan 3.1 peratus bagi tahun 2026, berbanding anggaran awal masing-masing sebanyak 2.8 peratus dan 3.0 peratus.

Sementara itu, ekonomi NBD mencatatkan penguncupan sebanyak 0.7 peratus tahun ke tahun pada tiga suku pertama tahun 2025.

Sektor minyak dan gas mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.6 peratus, disokong oleh pengeluaran minyak dan gas yang semakin stabil.

Namun demikian, sektor bukan minyak dan gas merekodkan penurunan sebanyak 1.9 peratus disebabkan oleh penurunan prestasi dalam beberapa subsektor termasuk subsektor pembuatan produk petroleum dan

kimia; serta subsektor kewangan.

Selaras dengan trend penurunan inflasi global, NBD mencatatkan kadar inflasi purata -0.3 peratus tahun ke tahun bagi tempoh Januari hingga November 2025.

Tekanan inflasi dijangka kekal terkawal dengan subsidi kerajaan, kawalan harga dan dasar monetari negara yang sedia ada.

Kesan inflasi yang diimport ke atas harga domestik juga adalah terhad disebabkan kesamarataan nilai Dolar Brunei dan Dolar Singapura, yang disokong oleh pelonggaran dasar monetari sebanyak dua kali dari Monetary Authority of Singapore pada awal tahun ini.

Dengan mengambil kira faktor tersebut serta data Indeks Harga Pengguna terkini, BDCB menjangka kadar inflasi negara bagi tahun 2025 akan berada dalam lingkungan -0.6 peratus hingga 0.4 peratus.

BDCB juga mengongsikan bahawa jumlah aset sektor kewangan domestik mencatatkan peningkatan sebanyak 5.5 peratus pada suku ketiga 2025, dengan nilai aset keseluruhan sebanyak BND25.6 bilion. Daripada jumlah tersebut, BND14.8 bilion merupakan aset sektor kewangan Islam manakala BND10.9 bilion adalah aset sektor konvensional.

Institusi-institusi penerima deposit pula menyumbang sebanyak 91.5 peratus daripada keseluruhan aset sektor kewangan, dengan nilai aset berjumlah BND23.5 bilion.

Meskipun pulangan keuntungan mengalami sedikit

penurunan, pendapatan industri perbankan kekal kukuh hasil daripada pertumbuhan kredit dan kedudukan modal yang teguh. Agregat Nisbah Kecukupan Modal dicatatkan pada paras 18.7 peratus bagi suku ketiga 2025.

Dalam perkembangan separuh kedua tahun 2025, BDCB telah melancarkan Brunei Darussalam Sustainable Finance Roadmap pada 25 November 2025, yang bertemakan 'A Sustainable and Climate-Resilient Financial Sector'. Pelan hala tuju tersebut berfungsi sebagai panduan strategik bagi sektor kewangan NBD untuk menerapkan dan mengintegrasikan amalan kewangan lestari, termasuk langkah penyesuaian dan mitigasi perubahan iklim.

Dalam mengembangkan sektor kewangan Islam, NBD menduduki tempat ke-13 daripada 140 buah negara dalam Islamic Finance Development Report 2025: 50 Years of Exponential Growth, dengan peningkatan terbesar dicatatkan dalam petunjuk Kesedaran.

Selain itu, BDCB kini sedang merangka Pelan Hala Tuju Pembayaran Digital 2026-2030 bagi memastikan sistem pembayaran digital di NBD adalah mudah, selamat dan selaras dengan keperluan pengguna.

Kenyataan Dasar BDCB 2/2025 yang lengkap boleh didapati melalui laman sesawang rasmi BDCB di www.bdc.gov.bn. Untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi BDCB menerusi talian +673 8318388 atau melalui e-mel info@bdc.gov.bn.



SILA IMBAS UNTUK
KHUTBAH LENGKAP

MENJADI INSAN YANG LEBIH BAIK

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 12 Rejab 1447H / 02 Januari 2025M



Sesungguhnya muhasabah dan memperbaiki diri adalah suatu perkara yang amat penting dalam kehidupan kita. Terdapat empat kaedah untuk bermuhasabah, iaitu:

PERTAMA:



Memulakan muhasabah diri dengan mengenang semua kefardhuan yang wajib ke atas kita untuk menyempurnakannya. Jika ada yang masih diabaikan berazamalah untuk menyempurnakannya.

KEDUA:



Muhasabah diri terhadap maksiat, kemungkaran dan tegahan yang kita lakukan. Jika ternyata kita masih terlibat dengan semua ini, bertaubat, beristighfar dan kembalilah kepada ketaatan.

KETIGA:



Muhasabah diri terhadap kelalaian dan kealpaan. Kembalilah kepada Allah S.W.T dengan usaha mengingatiNya dengan lebih memperbanyakkan sembahyang-sembahyang sunat atau berjemaah, mendengar tazkirah, berzikir dan membaca Al-Quran.

KEEMPAT:



Muhasabah pada seluruh anggota tubuh kurniaan Allah S.W.T seperti lidah, kaki, tangan, mata, telinga dan anggota lain. Tanyalah diri kita sendiri, apakah semua nikmat tersebut telah kita gunakan untuk mengejar keredhaan Allah S.W.T? Jika kita masih jauh daripada perkara tersebut, marilah kita kembali ke pangkal jalan, selagi hayat masih dikandung badan.



Menjadi insan yang lebih baik



BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita sama-sama melangkah ke Tahun Baharu Masihi 2026. Semoga tahun baharu ini akan lebih mendorong kita untuk menjadi insan yang lebih baik demi mencapai perubahan yang lebih bermakna bagi diri sendiri, keluarga, masyarakat dan juga negara.

Kita bersyukur kerana di sepanjang tahun lalu, kita dapat menikmati kehidupan yang aman dan makmur di bumi Darussalam yang bertuah ini. Maka untuk itu, marilah kita sama-sama merafakkan doa semoga nikmat keamanan dan nikmat kemakmuran ini

akan dapat juga kita nikmati di sepanjang tahun 2026. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

Tafsirnya : "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Pelbagai peristiwa suka dan duka, pahit dan manis telah kita tempuh dan hadapi sepanjang tahun 2025. Maka sebagai orang yang beriman, kita hendaklah meyakini bahawa segala yang berlaku itu merupakan ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala yang perlu dimuhasabah agar kita dapat merencana sesuatu yang lebih baik untuk masa akan datang. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyifatkan bahawa orang yang sentiasa bermuhasabah dan memperbaiki diri itu sebagai orang yang bijak. Daripada Syaddad bin Aus Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Orang yang bijak adalah mereka yang bermuhasabah dirinya sendiri dan beramal untuk kehidupan selepas kematian". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Sesungguhnya muhasabah dan memperbaiki diri adalah suatu perkara yang amat penting dalam kehidupan kita. Ia hendaklah berbentuk perubahan kepada satu keadaan yang lebih baik, bukan yang sebaliknya. Malah, ia memberi ruang yang lebih luas dan menyeluruh merangkumi aspek akidah, ibadah, akhlak, pemikiran, pergaulan dan cara hidup yang sekali gus memperbaiki hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan sesama manusia.

Perlu diingat bahawa memperbaiki diri itu hendaklah tetap berterusan dan tidaklah bermakna ia hanya dihayati atau dilakukan ketika perubahan tahun baharu sahaja. Oleh yang demikian, sekiranya perubahan tidak dapat dilakukan, sekurang-kurangnya kita

nilailah kembali diri kita sama ada dari segi kekuatan dan kelemahan agar transformasi ataupun perubahan itu akan terjadi sedikit demi sedikit. Daripada Aisyah Radiallahuanha telah berkata ia, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

Maksudnya : "Sebaik-baik amalan kepada Allah adalah perbuatan yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Di dalam Kitab Al-Azkar karangan Al-Imam An-Nawawi, ada disebutkan doa *ma'sur* yang sering dibaca oleh Rasulullah untuk memohon agar dapat memperbaiki urusan agama, dunia dan akhirat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, ia berkata : Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sering berdoa :

Maksudnya : "Ya Allah, perbaikilah urusan agamaku yang merupakan penjaga keselamatan urusanku, perbaikilah untukku urusan duniaku yang di dalamnya terdapat mata pencarianku dan perbaikilah untukku urusan akhiratku yang akan menjadi tempat kembaliku. Jadikanlah hidup ini sebagai tambahan bagiku dalam setiap kebaikan dan jadikanlah kematian sebagai pemutus dari setiap keburukan".

Terdapat empat kaedah untuk bermuhasabah, iaitu :

Pertama : Memulakan muhasabah diri dengan mengenang semua kefarduan yang wajib ke atas kita untuk menyempurnakannya. Jadi ada yang masih diabaikan berazamlah untuk menyempurnakannya.

Kedua : Muhasabah diri terhadap maksiat, kemungkaran dan tegahan yang kita lakukan. Jika ternyata kita masih terlibat dengan ini, bertaubat, beristighfar dan kembalilah kepada ketaatan.

Ketiga : Muhasabah diri terhadap kelalaian dan kealpaan. Kembalilah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan usaha mengingatnya dengan lebih memperbanyakkan sembahyang-

sembahyang sunat atau berjemaah, mendengar tazkirah, berzikir dan membaca Al-Quran.

Keempat : Muhasabah pada seluruh anggota tubuh kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala seperti lidah, kaki, tangan, mata, telinga dan anggota lain. Tanyakah diri kita sendiri, apakah semua nikmat tersebut telah kita gunakan untuk mengejar keredaan Allah Subhanahu Wata'ala? Jika kita masih jauh daripada perkara tersebut, marilah kita kembali ke pangkal jalan, selagi hayat masih dikandung badan.

Sememangnya tahun baharu yang hadir ini tidak akan bermakna sekiranya kita masih hidup tanpa tujuan dan bergelumang dengan dosa. Oleh itu, muhasabahlah diri, bertaubatlah daripada segala dosa dan kejarlah keredaan Allah Subhanahu Wata'ala agar kita beroleh keberkatan di dunia dan di akhirat kelak.

Sesungguhnya bagi membangunkan semula kejayaan di dunia dan di akhirat, perlulah dimulakan dengan muhasabah dan memperbaiki diri. Ini kerana melalui muhasabah dan memperbaiki diri, kita akan lebih mengenal diri kita, mengenal kekuatan dan kelemahan kita, mengenal prestasi dan kekurangan kita, mengenal keperluan dan kelebihan yang sedia ada di dalam diri kita.

Akhirnya, semoga tahun baharu ini akan sentiasa menjadi semangat yang baharu dan memperbaiki iman kita untuk sentiasa melakukan perubahan untuk menjadi insan yang lebih baik. Mudah-mudahan tahun baharu ini akan menjadi tahun yang sangat bermakna bagi kita semua dan berkat di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka bertawakallah kepada Allah (melaksanakannya). Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal". (Surah Ali-Imran, ayat 159)

Persiapan rapi bantu pelajar mulakan sesi persekolahan dengan yakin



SESETENGAH ibu bapa memilih untuk menjahit sendiri pakaian sekolah kerana lebih menjimatkan dan sesuai dengan saiz anak. Manakala ada juga yang membeli seragam sekolah yang telah siap dijual di kedai demi menjimatkan masa (kiri dan kanan).



Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

MENTIRI, Khamis, 1 Januari. - Setiap tahun, musim persekolahan baharu membawa pelbagai cabaran dan tanggungjawab kepada pelajar serta ibu bapa.

Menjelang sesi persekolahan 2026, persiapan yang rapi amat penting supaya proses pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Persiapan ini bukan sahaja melibatkan

keperluan fizikal seperti buku dan seragam sekolah, malah persediaan mental juga perlu diberi perhatian.

Dari segi mental, pelajar perlu bersedia untuk menghadapi rutin harian sekolah seperti bangun awal pagi, menyiapkan tugas dan mematuhi peraturan sekolah.

Ibu bapa memainkan peranan penting dengan memberikan

sokongan emosi, kata-kata semangat serta nasihat yang membina. Pelajar juga boleh menetapkan azam dan matlamat baharu agar lebih berdisiplin dan bersemangat untuk belajar pada tahun 2026.

Selain itu, persiapan buku dan alat tulis serta seragam sekolah turut menjadi keutamaan. Ibu bapa biasanya akan menyemak senarai buku teks dan buku latihan yang diperlukan sebelum membelinya di kedai buku.

Sesetengah ibu bapa memilih

untuk menjahit sendiri pakaian sekolah kerana lebih menjimatkan dan sesuai dengan saiz anak. Manakala ada juga yang membeli seragam sekolah yang telah siap dijual di kedai demi menjimatkan masa.

Di samping itu, penggunaan beg sekolah lama yang masih elok juga boleh membantu mengurangkan perbelanjaan keluarga. Beg sekolah yang tidak koyak dan masih kukuh boleh digunakan semula tanpa perlu membeli yang baharu. Langkah ini

bukan sahaja menjimatkan kos, malah mengajar pelajar supaya menghargai barang yang dimiliki dan mengelakkan pembaziran.

Hasil temu bual bersama Awang Muhammad Saifol Hazmi bin Haji Rosman berkata bahawa beliau telah pun membeli keperluan sekolah anak-anaknya sejak awal Disember lalu dan hari ini beliau cuma menambah untuk membeli stoking dan songkok anaknya yang akan mula bersekolah ugama pada tahun ini.

Menurut beliau yang mempunyai empat orang anak, mengongsikan ada pakaian seragam sekolah siap sedia yang dibeli di kedai, ada yang memotong sendiri di kedai jahit dan ada baju seragam yang mesti dibeli di sekolah sahaja.

"Tidak perlu membeli semua keperluan baharu seperti beg sekolah, pakai semula selagi masih elok untuk mengelakkan pembaziran. Menyentuh mengenai persediaan mental anak-anak pula, ia amat penting supaya mereka tidak berasa tertekan apabila sekolah bermula. Perbincangan dan galakan daripada ibu bapa dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar," jelasnya.

Kesimpulannya, persiapan menjelang musim persekolahan 2026 memerlukan perancangan yang teliti oleh pelajar dan ibu bapa. Persediaan mental serta penggunaan keperluan sekolah secara bijak seperti buku, seragam dan beg sekolah dapat membantu meringankan beban kewangan keluarga.

Dengan persiapan yang baik, pelajar dapat memulakan sesi persekolahan dengan lebih yakin dan bersemangat.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
27 / DBP / SH / 2025-2026
Pembekalan Dan Pemasangan
Solar LED Flood Lights Dewan
Bahasa Dan Pustaka, Berakas.

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 8 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**Bilangan dan Nama Dokumen
Sebut Harga:**

26 / DBP / SH / 2025-2026
Tawaran Kerja-Kerja
Perkhidmatan Pengangkutan Dan
Pembuangan Sampah Di
Bangunan Dewan Bahasa &
Pustaka Berakas, Bangunan Flat
Dewan Bahasa Dan Pustaka Ong
Sum Ping Dan Blok EF23,
Kampong Beribi, Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
8 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Pemberitahuan Tawaran

Tawaran Perkhidmatan Kantin
Bagi Sekolah Arab Dan Sekolah-
Sekolah Ugama Bagi Tempoh Tiga
(03) Tahun Jabatan Pengajian
Islam, Kementerian Hal Ehwal
Ugama

Daerah Brunei Dan Muara

**Bilangan Tawaran Dan Nama
Sekolah:**
KHEU / JPI / KANTIN / 10 / 06
Sekolah Ugama Begawan Pehin
Udana Khatib Haji Awang Umar,
Kampong Setia, Kawasan Brunei I

**Bilangan Tawaran Dan Nama
Sekolah:**
KHEU / JPI / KANTIN / 30 / 06
Sekolah Ugama Panchor Murai,
Kawasan Brunei IV

Daerah Belait

**Bilangan Tawaran Dan Nama
Sekolah Arab:**
KHEU / JPI / KANTIN / 07 / 06
Sekolah Arab Belait, Belait

Daerah Tutong

**Bilangan Tawaran Dan Nama
Sekolah:**
KHEU / JPI / KANTIN / 34 / 06
Sekolah Ugama Lamunin, Tutong II

Daerah Temburong

**Bilangan Tawaran Dan Nama
Sekolah:**
KHEU / JPI / KANTIN / 42 / 06
Sekolah Ugama Bokok, Temburong

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
24 Rejab 1447H / 14 Januari 2026M
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Kenyataan Tawaran

**Bilangan dan Tajuk Tawaran /
Sebut Harga:**
(161) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)
Membekalkan Album Gambar

Yuran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
8 Januari 2026,
Jam 8.00 Pagi



Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
8 Januari 2026,
Jam 8.00 Pagi



**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

(163) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)
Perkhidmatan Pengutipan Dan
Pembuangan Sampah Serta
Pembersihan Secara Kontrak
Selama 13 Bulan
Di Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.

Yuran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
Khamis,
8 Januari 2026,
Jam 8.00 Pagi



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam

Kelas:
II, III & IV

Kategori:
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada:
15 Disember 2025 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Tawaran:**
Selasa
30 Disember 2025

Tarikh Tutup Pada:
Selasa
13 Januari 2026 (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran
Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / TOMB / T029 / 2025
Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap
dan Penyelenggaraan Luar Bagi
Pekan Bangar dan Kawasan
Berdekatan Daerah Temburong Bagi
Tempoh Dua (02) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / TOMB / T029 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Non-Refundable)



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tawaran:

Provision of Backup Electrical
Services to Brunei International
Airport Vicinity
AME / 2025 – 2026 / SH - 68
(Kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
24 Disember 2025,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
6 Januari 2026,
Selasa,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
7 Januari 2026,
Rabu

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Seksyen Kewangan,
Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN BANDAR
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran Dan
Keterangan Projek:**
01 / BBS /
GCDMGTSPLBG3SJBKS /
2026-2027

General Cleaning And Desilting
Manhole, Grease Trap,
Gully Trap And Sewerage Pipe
Line At Bangunan Gerai Sri Selera
Seria, Jalan Bunga Kemantin
Seria

**Dibukakan kepada pemborong -
pemborong yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam**

Kategori:
S01 / Perkhidmatan Kutipan Sisa
Pepejal, Sisa Pukal, Sisa
Pembinaan (Environment & Solid
Waste Management Services)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang





**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 127 / 2025
Provision Of Subject Matter Expert
For Project Section Department Of
Electrical Services For A Duration Of
Twenty Four (24) Months

Tarikh Tutup:
Selasa, 6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)



**Unit Perhubungan Awam,
Bahagian Perkhidmatan
Korporat
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Tajuk Iklan
Invitation For Expression Of
Interests And Pre-Qualification For
Multiple RKN 12 Projects In
Department Of Electrical Services.

Tarikh Tutup:
Khamis, 8 Januari 2026

For any EOI related queries, kindly
email des.sppm@des.gov.bn.



**Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 074 / 2025
Pengukuhan Sistem Rangkaian
11KV Di Kawasan Rimba Dan
Berakas

Tarikh Tutup:
Selasa, 20 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)



**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran Jabatan Perkhidmatan
Elektrik**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 113 / 2025

Tajuk:
Pengukuhan Sistem Rangkaian
Pembahagian 11KV Bagi Jalan
Gadong Termasuk Industri Beribi,
Jalan Telanai, Kawasan Komersial,
Kg. Beribi dan Sekitarnya
(Re-Tender)

Tarikh Tutup:
20 Januari 2026
(Selasa, Jam 2:00 Petang)

Harga Dokumen:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box" Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1 Bangunan
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian Pembangunan
Dalam KELAS IV, V Atau VI Sahaja,
dalam Kategori E03 dan mempunyai
pekerja yang berdaftar dengan JPE
dalam kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan lanjut bolehlah diperoleh
dari Unit Tawaran, Tingkat Empat,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam.**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 091 / 2025

Tajuk:
Provision Of Transformers
Inspection And Maintenance In DES
Power Stations For 4 Years

Tarikh Tutup:
6 Januari 2026
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan
Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras
1, Bangunan Jabatan Perdana
Menteri, Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Pemborong Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Kategori:
E03

Kelas:
III, IV atau V

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang lanjut
bolehlah diperoleh dari **Kaunter
Unit Tawaran, Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Negara Brunei Darussalam.**



**Rujukan Bilangan Dan Tajuk
Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU /
TA / BOL / 002
[JPPK / LTN / 10 / 2024]
Five (5) Years Term Contract For
The Facilities Management And
Maintenance Of Bolkiah Garrison
And Associated Facilities, Royal
Brunei Armed Forces, Ministry Of
Defence, Brunei Darussalam

Tarikh Mula Tawaran:
29 Disember 2025

Kelas:
V dan ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyediaan Kerja:
Lima (5) Tahun

Yuran Tawaran:
BND1,005.00
(Yuran tawaran = BND1,000.00 +
Yuran e-dokumen = BND5.00)
(Tidak dikembalikan)

**Yuran Dokumen (MINDEF SOR
2019)**
(Tidak Dikembalikan):
BND500.00 satu set (dalam
bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Selasa, 27 Januari 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa 24 Februari 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

***Makluman**
Untuk dipertimbangkan dalam
tawaran ini, setiap penender
dimestikan untuk membeli
'MINDEF SOR 2019 Edition' atas
nama syarikat mereka sendiri.
Jika pernah membeli 'MINDEF
SOR 2019 Edition' sebelum ini,
penender hendaklah
menghadapkan salinan resit
pembayaran terdahulu. Edisi



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 112 / 2025
Pengukuhan Sistem Rangkaian
11KV Bagi Stesen Elektrik Utama
Manggis 66 / 11KV Ke Stesen
Elektrik Utama Kebangsaan
Termasuk Kawasan-Kawasan
Jln Kebangsaan, Delima, Pulaie
Dan Anggerak Desa

Tarikh Tutup:
Selasa 6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:
Peti Tawaran, Pengerusi, Lembaga
Tawaran Kecil, Jabatan Perdana
Menteri, Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.



'MINDEF SOR 2011 dan MINDEF
SOR 2015' adalah tidak lagi
digunakan.



Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / MMD /
126 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery
Of Load Coupling Bolts
& Nuts For Load Gear Bearing
And Accessory Gear Bearing
For Frame 5 Gas Turbine
Generator

Tarikh Tutup:
Selasa,
6 Januari 2026
2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Kelayakan:
Syarikat-Syarikat yang berdaftar
dengan Registry of Companies
and Business Names Division
(ROCBN)

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut boleh diperoleh
di **Kaunter Unit Tawaran dan
Sebut Harga,
Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.**



Bilangan Tawaran:
KK / 378 / 2025 / HTD

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Powered ENT Microdebrider
Complete System For ORL
Department, RIPAS Hospital

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
6 Januari 2026
Tidak lewat jam 2.00 petang



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
**KUPU SB / LTK / PE / 01-07 /
2025-2026(ii)**
Requotation To Supply, Install,
Testing And Commissioning Of
New Air-Conditioning Units At
Kolej Universiti Perguruan Ugama
Seri Begawan – Phase One

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang




**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Sebut Harga / Tawaran Bagi
Pembekalan
Jabatan Tanah, Kementerian
Pembangunan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
15 / 2025-2026
Tawaran Kerja-Kerja Pemasangan
Lampu Cucul Di Sekeliling
Bangunan Jabatan Tanah,
Jabatan Ukur Dan Jabatan
Perancang Bandar Dan Desa

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
16 / 2025-2026
Tawaran Kerja Perkhidmatan
Pengangkutan Sampah Di
Jabatan Tanah,
Kementerian Pembangunan Bagi
Tempoh Tiga (3) Tahun

Tarikh Tutup:
Selasa
13 Januari 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 61
Provision Of Launch Activation
Mechanism, Multimedia
Narrative And Technical Support
For Tourist Guide Manual
Launching Ceremony

Bilangan Dan Tajuk Tawaran
JKP / SH / 2025-2026 / 62
Provision Of Design, Production
And Supply Of Award Trophies
For Brunei Tourism Industry Award
& Appreciation Night 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
8 Januari 2026,
Jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 12
/ 2025-2026 (R).
Term Contract Of 12 Months On
Maintenance Work Including To
Inspect, Supply And Install Vehicle
Parts For Ministry Of Primary
Resources And Tourism.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
8 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0**
(WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan**
(keputusan / pangkat serta subjek / bidang kebidanan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**
"Sila kemukakan dan pengisian Tajuk Kelulusan Pengisian Kelulusan"
(PSPK) yang berkesan
4. **Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Selarung"**
di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. **Lengkapkan Maklumat**
(Baru) / perkhidmatan / Perkhidmatan Awam / latihan-latihan /
keputusan profesional dan lain-lain yang dipersetujui di dalam skim iklan

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2. **Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.**

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

Sila WhatsApp:
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	PENGENDALI SISTEM KANAN KEMENTERIAN PERTAHANAN C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/DEC/03/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	04	7(A) GAJI HARI	07 JANUARI 2026
2.	PEGAWAI KAJI SELIDIK KEMENTERIAN PERTAHANAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2025/DEC/02/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	04	7(A) GAJI HARI	07 JANUARI 2026

PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN
KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG
DIKLIAHKAN DIBAWAH PERATURAN TIA) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

جانب كاجي چولجا بروني دارالسلام


**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Sebut Harga bagi Perkhidmatan
/ Pembekalan:

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
JKBD / 2025 / SH-26
Refurbishment Works
For Toilets At
Brunei Darussalam Meteorological
Department Headquarter Building

Hari / Tarikh / Waktu Tutup:
Rabu,
21 Januari 2026
sebelum jam 9.00 Pagi

Kepada;
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam
Tingkat 1, Blok B23, Flat
Anggerek Desa,
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas,
BB3713
Negara Brunei Darussalam


JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Perkhidmatan
Pengurusan,
Jabatan Perdana Menteri

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
JPP / 1 / 3 / 16 / 4 / 25-26
Quotation of Supply and Delivery
Online Subscription Services for
Management Services
Department, Prime Minister's
Office

**Yuran Sebut Harga
(E-dokumen):**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
14 Januari 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN
MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JMM / JKSH / Q&T /
2025 / 26

Supply, Installation,
Testing & Commissioning Of
Audio Conference Systems For
Dewan Persidangan Majlis
Mesyuarat Negara And Bilik Rehat
Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat,
Bangunan Dewan Majlis,
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
Percum

Tarikh Tutup:
Selasa,
13 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



BIMBINGAN HOLISTIK MEMBENTUK HALA TUJU AKADEMIK PELAJAR

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Disember. - Pemilihan jurusan dan program pengajian tinggi yang bersesuaian merupakan antara keputusan penting dalam kehidupan pelajar, sekali gus memerlukan bimbingan berterusan daripada ibu bapa dan guru agar potensi serta minat

sebenar anak-anak dapat dikenal pasti sejak awal.

Peranan ibu bapa bukan sahaja sebagai penyokong moral, malah sebagai penasihat yang memahami keupayaan akademik, kecenderungan minat dan aspirasi kerjaya anak-anak.

Komunikasi yang terbuka

antara ibu bapa dan anak dilihat dapat membantu pelajar membuat keputusan yang lebih yakin serta realistik, sejajar dengan keperluan pasaran kerja dan hala tuju pembangunan negara.

Dalam hal ini, anak-anak tidak seharusnya membuat pilihan jurusan pengajian secara tergesa-gesa atau mengikut pengaruh rakan sebaya semata-mata, sebaliknya perlu dibimbing agar memilih bidang yang sesuai dengan minat, kebolehan serta keperluan masa hadapan.

Sementara itu, guru dan kaunselor sekolah turut memainkan peranan penting dalam menyediakan maklumat tepat mengenai pelbagai laluan pendidikan, termasuk program diploma, ijazah, teknikal dan vokasional.

Melalui bimbingan kerjaya, pendedahan awal serta sesi kaunseling, pelajar dapat memahami kekuatan diri dan peluang yang tersedia dalam bidang yang diminati.

Oleh itu, kerjasama erat antara pihak sekolah dan ibu bapa amat penting bagi memastikan setiap pelajar mendapat panduan menyeluruh sebelum membuat



BIMBINGAN holistik daripada ibu bapa dan guru bukan sahaja dapat membentuk keputusan akademik yang tepat, malah membantu melahirkan generasi berilmu, berdaya saing serta bersedia menyumbang kepada kemajuan Negara Brunei Darussalam pada masa hadapan (kiri dan atas).

keputusan yang akan mempengaruhi hala tuju kehidupan mereka.

Usaha berterusan melalui program penerangan kerjaya, pameran pendidikan serta sesi libat urus bersama institusi pengajian tinggi juga dilihat sebagai platform berkesan dalam membantu pelajar membuat pilihan yang lebih berinformasi

dan berlandaskan realiti.

Sehubungan itu, bimbingan holistik daripada ibu bapa dan guru bukan sahaja dapat membentuk keputusan akademik yang tepat, malah membantu melahirkan generasi berilmu, berdaya saing serta bersedia menyumbang kepada kemajuan Negara Brunei Darussalam pada masa hadapan.



Berkongsi rezeki datangkan pahala berpanjangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Januari. - Pemberian bonus yang diterima oleh sebahagian besar warga Perkhidmatan Awam menjadi saat yang dinanti-nantikan setelah

REZEKI yang dikongsi bukan sahaja membawa kebahagiaan kepada orang lain, malah diyakini dapat menambah keberkatan dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

penat lelah berkhidmat sepanjang tahun.

Setentunya, bonus yang dikurniakan ini akan dimanfaatkan dengan pelbagai guna oleh orang awam yang menerimanya lebih-lebih lagi keperluan yang begitu penting.

Namun dalam kegembiraan meraikan bonus dengan perbelanjaan peribadi, masyarakat diingatkan agar tidak melupakan mereka yang mungkin tidak berpeluang menikmati kesenangan yang sama.

Agama Islam menekankan umatnya untuk hidup saling bantu-membantu sesama insan kerana dengan demikian akan dapat menimbulkan perasaan hormat-menghormati dan sayang-menyayangi tanpa mengira keluarga, saudara-mara, rakan, jiran mahupun orang yang tidak dikenali.

Sedekah atau berkongsi rezeki adalah salah satu amalan yang mendatangkan pahala yang berpanjangan. Pahalanya tidak hanya terhenti pada saat kita memberi tetapi boleh berterusan selagi manfaat daripada sedekah berkenaan dirasai oleh penerima.

Amalan sedekah juga mendidik kita untuk bersyukur dengan apa yang kita miliki dan mengajar kita untuk lebih prihatin terhadap orang lain. Selain itu, ia juga mengingatkan kita tentang pentingnya sifat dermawan dan tidak mementingkan diri sendiri.

Bersedekah tidak hanya terhad kepada pemberian wang ringgit semata-mata namun hakikatnya pelbagai cara boleh dilakukan untuk seseorang itu berkongsi

rezeki antaranya dengan memberi sumbangan makanan mahupun menyumbangkan barang keperluan asas bagi golongan yang memerlukan.

Rezeki yang dikongsi bukan sahaja membawa kebahagiaan kepada orang lain, malah diyakini dapat menambah keberkatan dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

Bukan itu sahaja, berkongsi rezeki membawa banyak kelebihan termasuk membuka pintu rezeki lebih luas, membersihkan dosa, menjadi perlindungan daripada musibah, dilipatgandakan pahala, memberi ketenangan jiwa, menguatkan ukhuwah dan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam pada itu, orang ramai diingatkan agar mengurus bonus yang diterima dengan bijak dan seimbang. Perbelanjaan berhema serta perancangan kewangan yang baik membolehkan seseorang memenuhi keperluan diri tanpa mengabaikan tanggungjawab sosial.

Dengan berkongsi rezeki secara berterusan, masyarakat dapat mewujudkan suasana yang lebih harmoni serta memastikan kesejahteraan dapat dinikmati bersama.

IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pendidikan'. Tarikh Tutup : 7 Januari 2026
2. 'Krisis Kanak-kanak Obesiti Perlu Ditangani'. Tarikh Tutup : 14 Januari 2026
3. 'Peranan 1K1P dalam Memperkasakan Komuniti Kampung'. Tarikh Tutup : 21 Januari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaja jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

OPERASI BERSEPADU MEMASTIKAN PERNIAGAAN DIJALANKAN SECARA BERETIKA

Siaran Akhbar dan Foto : Unit Sukatan dan Timbangan, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Disember. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) serta Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna (JHEP) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Operasi Bersepadu ke atas premis-premis perniagaan di Bangunan The Mall Gadong, Daerah Brunei dan Muara,

baru-baru ini.

Operasi bersepadu yang dilaksanakan dalam bulan Disember ini memberi tumpuan kepada para peserta acara jualan Brunei Salebration (BSb) 2025.

Hasil daripada operasi tersebut, pihak Unit SDT telah mendapati sebanyak 23 unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan.

Kesemua alat berkenaan adalah sah, tepat dan berdaftar

dengan Unit SDT selaras dengan Akta SDT 1983, Penggal 151 dan Peraturan-peraturan (Penelitian) Alat-alat SDT 1994 Ceraian 3 (1) dan (2).

Sementara itu, JPES telah mendapati bahawa premis-premis perniagaan yang mengambil bahagian dalam acara jualan BSb 2025 melaksanakan aktiviti jualan dengan mempamerkan tanda harga secara jelas dan tepat, selaras dengan keperluan Peraturan-peraturan Harga Jualan Murah dan Perintah Paparan Tanda Harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Selain itu, premis-premis perniagaan juga diingatkan supaya memastikan terma dan syarat jualan dikemukakan secara telus bagi memudahkan para pengguna membuat keputusan pembelian yang tepat.

Para pembeli dinasihatkan untuk memastikan alat-alat sukat dan timbangan yang digunakan semasa aktiviti jual beli termasuk bacaan tanda berat, isi padu, ukur panjang dan lebar mempunyai pelekak pendaftaran yang mengandungi tempoh penggunaan yang sah dan dikeluarkan oleh Unit SDT.

Para peniaga turut diingatkan untuk sentiasa menjalankan



OPERASI Bersepadu ke atas premis-premis perniagaan di Bangunan The Mall Gadong, Daerah Brunei dan Muara, baru-baru ini (atas dan kiri).

aktiviti jualan dengan beretika dan wajar, termasuk memastikan maklumat senarai harga dan potongan harga sentiasa tersedia di premis perniagaan masing-masing semasa pemeriksaan dijalankan selaras dengan Peraturan 11(a) dan (b) di bawah Peraturan-peraturan Harga Jualan Murah.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan iaitu Unit SDT melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn atau talian +673 2383142; dan JHEP melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel kepada : aduanpengguna@jpes.gov.bn.

Operasi pencegahan jenayah terus dipergiatkan



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

SERIA, Rabu, 31 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama beberapa agensi penguatkuasaan undang-undang telah menjalankan satu Operasi Sepadu bagi pencegahan jenayah serta pemeriksaan premis di kawasan Kampung Baru Seria, Daerah Belait baru-baru ini.

Operasi tersebut melibatkan seramai 39 pegawai dan anggota daripada pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang, iaitu Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) Ibu

Pejabat Daerah Polis Belait yang diketuai oleh DSP Dennie Adli bin Haji Sulaiman.

Hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak BKN telah membawa kepada penahanan

seorang lelaki warganegara Republik Filipina setelah menemui satu alat penggunaan dadah, disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(b) dan Seksyen 7, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27.

Sementara itu, pihak JKED telah mengesan dua kesalahan melibatkan pemilikan pelbagai jenama vape dan rokok di bawah Seksyen 146(1)(d), Excise Order 2006. Kesemua barang rampasan telah diambil untuk siasatan dan tindakan selanjutnya.

Sehubungan itu, PPDB menegaskan agar masyarakat awam tidak terlibat dalam sebarang kegiatan berkaitan barangan tegahan kerana ia boleh menjejaskan keselamatan, keharmonian serta kesejahteraan kehidupan bermasyarakat.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kegiatan jenayah kepada balai polis berdekatan atau menghubungi Talian Kecemasan Polis 993.



OPERASI tersebut melibatkan seramai 39 pegawai dan anggota daripada pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang, iaitu Biro Kawalan Narkotik (atas dan kanan).

Pemilik tanah disaran jelaskan cukai tahunan

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Tanah

KAUNTER PENERIMAAN PEMBAYARAN		
Hari Isnin hingga Khamis	8:00 Pagi - 11:15 Pagi	1:30 Petang - 2:30 Petang
Hari Sabtu	8:00 Pagi - 10:30 Pagi	

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Disember. - Jabatan Tanah ingin memperingatkan kepada orang ramai khususnya pemilik-pemilik tanah yang berdaftar bahawa, adalah menjadi tanggungjawab bagi pemilik-pemilik tanah yang berdaftar untuk sentiasa menjelaskan bayaran Cukai Tanah setiap tahun sepertimana yang terkandung di dalam Kanun Tanah Penggal 40.

Sehubungan dengan ini, orang ramai juga dikehendaki untuk menjelaskan sebarang tunggakan cukai tahunan tanah mereka, jika ada.

Pembayaran bolehlah dibuat melalui kaunter pembayaran di setiap Pejabat Tanah Daerah sewaktu operasi, iaitu pada Isnin hingga Khamis, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.15 pagi dan 1.30 petang hingga 2.30 petang. Manakala pada Sabtu, bermula jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi dan 1.30 petang hingga 2.30 petang.

Pembayaran menggunakan cek, hanya akan dapat diterima pada waktu pagi.

Pembayaran juga boleh dibuat secara dalam talian, iaitu melalui aplikasi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Mobile App.

Bagi pemegang tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS), pembayaran lesen tahunan hanya boleh dibuat di Kaunter Pembayaran di setiap Pejabat Tanah Daerah.

Maklumat lanjut untuk mengetahui jumlah tunggakan dan tatacara membuat pembayaran melalui BIBD, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Tanah di www.land.gov.bn atau Instagram rasmi jabatan melalui akaun [@jabatan_tanah.bn](https://www.instagram.com/jabatan_tanah).

INFO Teknologi



Elakkan penyakit bawaan udara dengan penapis udara

Pendahuluan

PENAPIS udara merupakan peranti elektronik yang direka untuk membersihkan udara dalam sesuatu ruangan atau bilik dengan menyaring partikel pencemar, alergen dan kontaminan. Penapis udara berfungsi dengan menarik udara melalui sistem penapisan dan mengeluarkan udara yang lebih bersih. Selain itu penapis udara juga boleh mengurangkan bau yang tidak nyaman, melindungi pengguna dari penyakit berpunca dari virus atau kuman bawaan udara. Penapis udara terkini menawarkan berbagai teknologi untuk meningkatkan kualiti udara untuk kegunaan dalam rumah atau di pejabat. Dengan meningkatnya kesedaran mengenai pencemaran udara dan pentingnya kualiti udara serta impaknya ke atas kesihatan dan semakin ramai orang memilih untuk mendapatkan alat penapis udara khas untuk di rumah atau di tempat kerja.

Teknologi utama dalam penapis udara

Komponen utama penapis udara moden terdiri daripada kipas untuk mengedarkan udara, sistem penapisan, sensor kualiti udara dan papan kawalan. Antara teknologi utama yang digunakan ialah pada sistem penapisan yang menggunakan penapis High-Efficiency Particulate Air (HEPA) yang berkemampuan untuk menapis partikel sebesar 0.3 mikron sehingga 99.7 peratus. Selain itu penapis udara terkini menggunakan teknologi karbon aktif yang fungsinya ialah untuk menyerap

gas dan bahan organik meruap seperti asap rokok atau bau masakan. Penapis udara terkini juga menggunakan teknologi cahaya ultraungu yang boleh membunuh kuman, virus, dan spora kulat berbahaya. Penapis udara terkini biasanya juga mempunyai *ionizer* atau pengion yang fungsinya ialah untuk melepaskan ion negatif yang mengikat partikel di udara untuk membuatnya lebih berat sehingga jatuh ke permukaan.

Dalam memilih penapis udara adalah penting untuk mengambil kira faktor seperti saiz bilik, jenis penapis, tahap bunyi dan ciri pintar. Dengan mengetahui saiz bilik kita akan dapat memadamkan kadar penghantaran udara bersih yang diperlukan. Manakala mengetahui jenis penapis akan membantu kita memilih penapis udara yang bersesuaian dengan keperluan. Sebagai contoh, adakah kita memilih penapis udara untuk membersihkan udara atau menyerap bau dan asap atau kedua-duanya? Mengetahui tahap bunyi jenis penapis udara juga penting jika kita akan menggunakannya dalam bilik. Adalah penting untuk memilih penapis udara berdesibel rendah agar tidak mengganggu kita apabila kita menggunakannya semasa tidur atau berehat. Penapis udara berlainan akan mempunyai pelbagai ciri pintar, sesetengah model menawarkan kawalan jauh atau dari telefon pintar. Bagaimana memilih penapis yang bersesuaian adalah tertakluk kepada keperluan sendiri.

Faedah menggunakan penapis udara

Antara faedah menggunakan penapis

udara ialah ia mengurangkan alergen melalui penyaringan debu termasuk debu bunga dan spora kulat. Ia sangat membantu bagi mereka yang menghidap alergi, penyakit rinitis, atau asma dan boleh mengurangkan gejala seperti bersin, batuk, dan mata gatal. Selain itu, penapis udara juga boleh menyingkirkan partikel halus yang mungkin tidak kelihatan secara zahir yang boleh memasuki sistem pernafasan dan menyebabkan ketidakselesaan apabila bernafas. Penapis udara juga boleh menyerap bau masakan, asap dengan adanya penapis karbon aktif dan ini boleh membantu menjaga udara dalam rumah agar kita sentiasa menghirup udara segar. Dengan teknologi cahaya ultraungu, penapis udara membantu melindungi kita daripada virus dan kuman yang ada dalam udara dan secara langsung mengurangkan penyakit berpunca dari virus dan kuman bawaan udara. Penapis udara juga boleh menangkap bulu-bulu haiwan peliharaan dan mengurangkan keperluan untuk membersihkan bulu haiwan peliharaan di tempat tinggal kita. Ia juga boleh meningkatkan kualiti tidur dengan membekalkan udara bersih yang akan membantu pernafasan lebih lancar.

Untuk kesihatan jangka panjang, penapis udara boleh mengurangkan pendedahan kepada pencemaran udara dalaman dan berpotensi untuk mengurangkan risiko penyakit pernafasan kronik dan meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan. Untuk persekitaran rumah, penapis udara akan dapat mengurangkan habuk di perabot dan permukaan, membantu menjaga kebersihan rumah lebih lama,

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik, Unsplash

mencipta persekitaran dalaman yang lebih selesa. Penapis udara akan sangat berguna untuk musim alergi seperti musim bunga apabila debu bunga akan berterbangan dan apabila terjadinya kebakaran dekat tempat tinggal dan debu serta asap akan mencemarkan udara di persekitaran kita.

Kesimpulan

Dalam konteks peningkatan pencemaran udara dan kesedaran kesihatan, penapis udara moden menawarkan penyelesaian untuk meningkatkan kualiti hidup. Walaupun ia memerlukan pelaburan awal dan kos penyelenggaraan, bagi kebanyakan isi rumah ia banyak membawa faedah kesihatan dan ini menjadikan pembelian penapis udara berbaloi dengan perbelanjaan. Adalah penting juga memilih teknologi yang sesuai dengan keperluan kita dan pelan penyelenggaraan yang konsisten serta tidak di luar bajet tersedia. Penapis udara semakin menjadi keperluan di kebanyakan rumah terutamanya di kawasan bandar. Faedah kesihatan yang ditawarkan penapis udara seperti mengurangkan simptom alahan dan melindungi pengguna daripada pencemaran udara dalaman menjadikannya pelaburan yang berharga untuk kesejahteraan keluarga. Walaupun kos permulaan dan penyelenggaraan perlu dipertimbangkan, faedah jangka panjang kepada kesihatan pernafasan dan kualiti hidup selalunya melebihi kos ini.



Panggung Alam : Juraian Meteor Geminid

Oleh : Ida Yusof, Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam dengan
kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Ihsan Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam

"**D**EMI langit yang mempunyai tempat-tempat peredaran bintang-bintang". (Al-Buruuj; 1).

Alam terbentang luas menzahirkan salah satu ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala yang menakjubkan. Salah satu tanda kekuasaan-Nya tergambar melalui pusingan alam di suatu waktu yang telah diatur-Nya.

Para pencinta angkasa melabuhkan khemah, tikar dan kerusi malas dalam keadaan santai berdebar menanti hujan Meteor Geminid dengan penuh keterujaan. Penantian dari jam 12.30 malam dengan hanya berbekalkan mata kasar memandangkan ke angkasa raya yang bergemerlapan dengan sinaran bintang-bintang, penyerlahan Musytari (Jupiter) serta objek cakerawala lainnya. Bahkan, memukau dan terpukau manusia seketika dengan keindahan keluasan Rahmat-Nya yang menciptakan seisi alam.

Dalam suasana malam yang sunyi, damai

dan aman para pemerhati angkasa yang penuh cecal menantikan meteoroid yang jatuh. Salah seorang pemerhati memecah kesunyian "Satu!!!" tanda jasad kecil yang pantas muncul dan jatuh dalam kerlingan sekelip mata! Gerakannya pantas bercahaya tanpa memberi peluang kezahiran mata untuk menangkapnya.

Semakin awan berarak membantu menjernihkan angkasa, semakin kedengaran kiraan seterusnya; "Dua!!!" "Tiga!!!" dan semakin riuh pemerhati di Bumi menantikan garis cahaya terang seperti 'bintang jatuh' seterusnya dan seterusnya. Namun, jeritan dan kejutan kiraan terhenti sehingga "Lima Puluh!!!" Awan mula berarak lalu menyelimuti pandangan dan menjadikannya semakin samar.

Kejutan demi kejutan Allah Subhanahu Wata'ala anugerahkan limpahan kebesaran-Nya melalui kemunculan meteor yang banyak dari titik pancuran (*radiant*) di

Buruj Gemini - sekumpulan bintang yang kedudukannya membentuk rajah seperti sepasang kembar. Fenomena samawi hujan Meteor Geminid hadir saban tahun, tatkala Bumi beredar mengelilingi sang suria serta orbitnya menyusuri jejak serpihan kosmik nan halus, warisan abadi dari asteroid 3200 Phaethon. Hakikatnya, pancuran Meteor Geminid boleh menghasilkan 120 meteor dalam sejam (ZHR) ketika waktu kemuncak, lazimnya bermula larut malam pada 13 Disember sehingga awal fajar hari berikutnya.

Kehadirannya ditunggu-tunggu dalam kalendar astronomi yang hanya akan berlaku apabila bumi merentasi lintasan jasad-jasad kosmik peninggalan daripada komet atau asteroid. Pecahan-pecahan bersaiz serpihan pasir yang halus memasuki atmosfera dengan kelajuan yang cepat seperti kilat. Gabungannya dengan molekul udara mengakibatkan serpihan itu terbakar semasa masuk ke atmosfera Bumi mencoret lukisan alam seperti 'tahi bintang'. Maha Benar Kekuasaan dan Kebesaran Maha Khaliq bagi setiap makhluk ciptaan-Nya.

Pandangan mata terbatas, rawang akal mungkin sahaja terhad. Namun, pandangan hati tidak menafikan akan kewujudannya. Pantulan cahaya Geminid menyaksikan hati bahawa, yang memandangkan dari Bumi bukan hanya setakat meneroka ilmu bintang dari segi saintifiknya.

Natijahnya, yang memandangkan dari bawah memantulkan rasa kehambaan dan kerendahan hati untuk memandangkan ke atas. "Nikmat mana yang kita dustakan," (Ar Rahman; 13) menegaskan bahawa penyaksian keindahan kosmos alam mengungkap cerminan hati yang damai untuk bersyukur. Hakikat mensyukuri bahawa melalui alam, manusia diciptakan untuk melazimkan nikmat syukur di segenap liputan hidup.

Benarlah kata cendekiawan, 'Alam Terbentang Menjadi Guru'. Justeru, nikmat keindahan, nikmat masa, nikmat sabar dan nikmat nafas dikecap di dalam taburan hujan Meteor Geminid dari kaca mata pemerhati angkasa di Negara Brunei Darussalam. Segala puji-pujian hanya untuk Allah Subhanahu Wata'ala jua.



MEMPERKUKUH SEKTOR PERTANIAN, MEMPERTINGKATKAN KESELAMATAN MAKANAN NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Disember. - Bidang pertanian menuntut pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu, merangkumi penerapan ilmu sains dan teknologi, pengurusan alam sekitar yang mampan serta sistem yang terancang dan saling melengkapi bagi memastikan pengeluaran makanan yang berkesan dan berterusan.

Hakikat inilah yang mendorong minat seorang belia tempatan, iaitu Dayangku Aniisah Khoirunnisa' binti Pengiran Haji Kamaluddin, yang mesra disapa Dayangku Aniisa untuk menceburi bidang Sains Pertanian sehingga berkembang menjadi satu rasa tanggungjawab terhadap negara.

Dalam satu temu bual, Dayangku Aniisah Khoirunnisa' berkongsi pengalaman beliau yang kini sedang melanjutkan pengajian dalam bidang Sains Pertanian melalui kajian di Fakulti Pertanian, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Jelasnya, minat terhadap pertanian mula berputik daripada perbincangan santai bersama ibu bapa mengenai peningkatan harga barangan runcit serta kebergantungan negara terhadap makanan import.

"Pada peringkat awal, saya beranggapan bahawa pengeluaran makanan adalah sesuatu yang mudah. Namun, selepas melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Pertanian di Universiti Putra Malaysia dan seterusnya ke peringkat Sarjana, saya menyedari bahawa sektor pertanian sebenarnya jauh lebih kompleks daripada yang disangka.

"Kini, pertanian dilihat sebagai satu bidang yang penting kerana sumbangannya yang langsung

kepada kesejahteraan masyarakat, kelangsungan sumber rezeki rakyat serta jaminan keselamatan makanan negara," katanya.

Minat dan semangat beliau turut diperkukuh oleh titah serta seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menekankan kepentingan memperkukuh sektor pertanian negara demi mencapai tahap sara diri makanan dan mempertingkatkan keselamatan makanan nasional.

Menurutnya lagi, hasrat untuk berbakti kepada negara menjadi pemangkin utama kepada penglibatannya dalam bidang berkenaan, dengan cita-cita untuk menjadi sebahagian daripada penyelesaian dalam usaha memperkukuh keselamatan makanan Negara Brunei Darussalam (NBD) demi kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang.

Tambahnya, kajian yang sedang dijalankan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kesihatan tanah sawah padi melalui pengurangan logam toksik menggunakan pendekatan semula jadi dan biologi.

"Di NBD, tahap sara diri beras masih rendah, iaitu sekitar 7.6 peratus pada 2024, antara lain disebabkan oleh kualiti tanah sawah yang lemah. Kebanyakan tanah sawah bersifat sangat berasid serta mengandungi kepekatan logam toksik seperti aluminium, besi dan sulfur yang menjejaskan penyerapan nutrien oleh tanaman padi.

"Melalui kajian berkenaan, sisa pertanian seperti najis ayam dan

jerami jagung dimanfaatkan sebagai perapi tanah organik bagi memperbaiki kesuburan tanah dan mengurangkan keasidan.

"Pada masa yang sama, sayur kangkung digunakan untuk menyingkirkan logam toksik secara semula jadi daripada tanah. Pendekatan berkenaan bukan sahaja berpotensi meningkatkan produktiviti padi, malah menyumbang kepada pengurusan sisa pertanian yang lebih mampan," jelasnya lagi.

Dayangku Aniisah Khoirunnisa' seterusnya menyatakan walaupun kajian berkenaan masih dijalankan di peringkat Rumah Hijau, namun ia dirancang untuk diperluas ke peringkat ladang bagi menilai keberkesanan serta kebolegunaannya dalam sistem penanaman padi sebenar.

Seiring dengan itu, beliau menyatakan bahawa penglibatan belia dalam sektor pertanian di NBD dilihat semakin meningkat, satu perkembangan yang amat menggalakkan. Kini, semakin ramai golongan muda tampil memimpin dan mengurus perusahaan pertanian serta akuakultur tempatan, merangkumi pengeluaran makanan, pembangunan penyelesaian pertanian inovatif hingga ke bidang agropelancongan. Trend positif berkenaan turut diperkukuh melalui pelbagai inisiatif agensi kebangsaan yang menyediakan latihan, pembiayaan serta pendedahan kepada amalan pertanian moden.

Tambahnya, penubuhan fakulti pertanian peringkat universiti yang pertama, UNISSA, juga dianggap sebagai satu pencapaian penting kerana ia menyediakan laluan yang jelas kepada generasi muda untuk melanjutkan pengajian dalam bidang pertanian secara lebih

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Dk. Aniisah Khoirunnisa Pg. Haji Kamaluddin



DAYANGKU Aniisah Khoirunnisa' binti Pengiran Haji Kamaluddin bersama penyelia beliau.

tersusun, profesional dan berasaskan ilmu pengetahuan.

Menurutnya lagi, penglibatan belia amat penting memandangkan sebahagian besar populasi petani sedia ada kini semakin berusia. Golongan muda diperlukan bagi memastikan kesinambungan pengeluaran makanan. Pertanian bukan sahaja menjadi sumber makanan, malah merupakan asas kepada penghasilan bahan api, gentian, tumbuhan ubatan serta bahan mentah yang menyokong pelbagai industri.

Sebagai pewaris sektor ini jelasnya, belia memikul tanggungjawab untuk memelihara dan memperkukuh pertanian pada masa kini dan akan datang. Dengan kelebihan sebagai generasi celik digital dan mudah menyesuaikan diri, belia berupaya mengintegrasikan teknologi, data dan peralatan moden, menerapkan pendekatan lestari serta pintar iklim, di samping menambah baik kaedah pertanian tradisional tanpa mengabaikan kekuatan sedia ada.

Kepada golongan muda yang

berminat dalam bidang pertanian, beliau menyeru agar mereka berani menceburi sektor berkenaan dengan ilmu pengetahuan yang betul.

"Dapatkan latihan yang sewajarnya, rujuk agensi berkaitan dan belajar daripada pengamal berpengalaman.

"Dengan bimbingan yang tepat, belia mampu menyumbang secara bermakna dan bertanggungjawab kepada pembangunan sektor pertanian negara," ujarnya.

Mengakhiri temu bual, Dayangku Aniisah Khoirunnisa' menyatakan aspirasi peribadinya bagi 2026 adalah untuk menamatkan pengajian peringkat Sarjana dan bergraduasi, sebelum mengembangkan lagi kajian berkenaan ke peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Usaha berkenaan diharap dapat memberi sumbangan yang lebih besar dalam meningkatkan produktiviti padi serta menyokong keselamatan makanan NBD, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Tingkatkan penguatkuasaan, membanteras aktiviti menyalahi undang-undang

TEMBURONG, Khamis, 1 Januari. - Daerah Polis Temburong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah melaksanakan satu Operasi Sepadu yang bermula sekitar jam 11.00 malam, bertujuan memperkukuh penguatkuasaan undang-undang serta membanteras aktiviti menyalahi undang-undang di Daerah Temburong.



Operasi berkekenaan diketuai oleh Pemangku Pegawai Jenayah Daerah (DCO) Temburong, Inspektor Md. Hadri, dengan penglibatan seramai 23 anggota PPDB Daerah Polis Temburong.

Operasi berkekenaan turut dijalankan secara bersepadu bersama 22 anggota daripada agensi-agensi penguatkuasaan lain, iaitu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan

Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) serta Bahagian Penguatkuasaan Ugama (BPU).

Sepanjang operasi berlangsung, pemeriksaan dan pemantauan telah dilaksanakan di tiga lokasi utama, iaitu di kawasan-kawasan Kampung Menengah, Jalan Bangar-Puni-Hujung Jalan serta Kampung Belais, yang dikenal pasti sebagai tumpuan bagi aktiviti mencurigakan.

Hasil daripada operasi berkekenaan, seramai lima lelaki telah ditahan, terdiri daripada empat warganegara tempatan dan seorang penduduk tetap, atas dua kesalahan berasingan.

Daripada jumlah berkenaan, tiga orang ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Kastam dan Eksais Diraja, melibatkan perjumpaan barang tegahan, iaitu 13 paket rokok

OPERASI berkekenaan turut dijalankan secara bersepadu bersama 22 anggota daripada agensi-agensi penguatkuasaan lain (kiri dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



pelbagai jenama.

Sementara itu, dua orang lagi ditahan kerana disyaki memiliki alat dan peralatan berkaitan penyalahgunaan dadah di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah (MDA) Penggal 27 serta kesalahan lain yang berada di bawah bidang kuasa Biro Kawalan Narkotik (BKN).

Kesemua suspek bersama barang-barang tegahan dan rampasan telah diserahkan kepada

JKED dan BKN bagi tujuan siasatan lanjut dan tindakan selanjutnya.

PPDB menegaskan komitmen berterusan untuk melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu dan berterusan, sebagai langkah proaktif dalam membanteras aktiviti jenayah serta memastikan keselamatan, ketenteraman awam dan kesejahteraan masyarakat sentiasa terpelihara.



GENEVA, 1 Jan. - Pelbagai agensi kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan organisasi antarabangsa secara bersama mengeluarkan kenyataan pada Rabu, menggesa Israel membatalkan larangan operasi terhadap organisasi bantuan antarabangsa di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat, lapor Xinhua.

Menurut kenyataan itu organisasi bantuan antarabangsa memainkan peranan penting dalam operasi kemanusiaan di

AGENSI KEMANUSIAAN PBB DESAK ISRAEL BATALKAN LARANGAN TERHADAP AGENSI BANTUAN KEMANUSIAAN

Semenanjung Gaza dan Tebing Barat, dengan menyalurkan bantuan berjumlah hampir US\$1 bilion setiap tahun.

Menurut kenyataan itu, ketika musim sejuk memburukkan lagi penderitaan keluarga di Gaza, tahap ketakjamanan makanan yang meruncing terus berterusan dan keperluan untuk bantuan menyelamatkan nyawa kekal kritikal.

Tindakan mengharamkan kumpulan bantuan dikhuatiri boleh menjejaskan kemajuan rapuh yang dicapai semasa gencatan senjata dan memberikan kesan buruk kepada kanak-kanak, wanita, serta lelaki yang memerlukan.

Kenyataan itu turut menegaskan

bahawa akses kemanusiaan bukanlah sesuatu yang pilihan atau tertakluk kepada syarat mahupun pertimbangan politik. Ia merupakan kewajipan undang-undang di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa serta keperluan asas bagi perlindungan hak asasi manusia.

Antara pemimpin yang menandatangani kenyataan itu termasuk Tom Fletcher, Penyelaras Bantuan Kecemasan dan Penolong Setiausaha Agung PBB bagi Urusan Kemanusiaan; Qu Dongyu, Ketua Pengarah Organisasi Makanan dan Pertanian PBB; Amy E. Pope, Ketua Pengarah Organisasi

Antarabangsa bagi Migrasi; Volker Turk, Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hak Asasi Manusia; dan Alexander De Croo, Pentadbir Program Pembangunan PBB.

Turut serta ialah Catherine Russell, Pengarah Eksekutif Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF); Sima Bahous, Pengarah Eksekutif Wanita PBB dan Tedros Adhanom

Ghebreyesus, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Menurut laporan media, Israel merancang untuk melarang puluhan organisasi bantuan antarabangsa daripada beroperasi di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat bermula 1 Januari 2026, atas alasan kegagalan mematuhi syarat pendaftaran Israel. - ©BERNAMA

Gempa bumi sederhana landa Laut Banda, Republik Indonesia dan Rantau Kepulauan Filipina

KUALA LUMPUR, 1 Jan. - Dua gempa bumi berskala sederhana direkodkan di Republik Indonesia dan Republik Filipina pagi tadi.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam kenyataan hari ini memaklumkan gempa bumi berukuran 5.5 pada skala Richter melanda kawasan Laut Banda, Republik Indonesia pada 11.05

pagi berpusat pada koordinat 6.7 darjah selatan dan 130.1 darjah timur dengan kedalaman 103 kilometer (km).

Gempa bumi itu berada pada jarak 398km Tenggara dari Ambon, Republik Indonesia.

Gempa bumi berukuran 5.1 pada skala Richter pula melanda Rantau Kepulauan Filipina pada 10.56

pagi, berpusat pada koordinat 5.0 darjah utara dan 127.4 darjah timur, dengan kedalaman 65km.

Gempa bumi itu berada pada jarak 136km timur laut dari Pulau Talaud, Republik Indonesia. MetMalaysia memaklumkan tiada ancaman tsunami kepada Malaysia susulan dua gempa bumi itu. - ©BERNAMA

Republik Arab Mesir temukan bengkel industri purba di Beheira

KAHERAH, 31 Dis. - Kementerian Pelancongan dan Barangan Purba Mesir mengumumkan pada Selasa penemuan beberapa bengkel industri yang dipercayai berasal dari Zaman Akhir (747-332 Sebelum Masihi-SM) dan peringkat awal era Ptolemaic (332-30 SM) di Wilayah Beheira, utara Kaherah, lapor Xinhua.

Menerusi satu kenyataan, kementerian itu memaklumkan bahawa misi arkeologi bersama Republik Arab Mesir-Republik Itali menemui bengkel berkenaan bersama sebahagian daripada tanah perkuburan Rom yang menampilkan pelbagai corak pengebumian semasa penggalian di tapak Kom Al-Ahmar dan Kom Wassit di Beheira.

Ketua Sektor Barangan Purba Mesir di kementerian itu, Mohamed Abdel-Badie berkata,

bengkel industri itu terdiri daripada sebuah bangunan besar yang dibahagikan kepada sekurang-kurangnya enam bilik.

Menurutnya, dua daripada bilik berkenaan dikhaskan untuk pemprosesan ikan, di mana pasukan misi itu menemukan kira-kira 9,700 tulang ikan - bukti industri ikan masin yang meluas pada tempoh berkenaan.

Abdel-Badie menambah bahawa bilik-bilik lain berkemungkinan digunakan untuk menghasilkan alatan logam dan batu, serta azimat *faience*, berdasarkan penemuan beberapa patung batu kapur yang belum siap dan barangan lain dalam pelbagai peringkat pembuatan.

Penggalian itu turut menemukan *amphorae* (tempayan purba) yang diimport dan serpihan tembikar Greece, yang

membolehkan aktiviti bengkel itu dikesan bermula pada abad ke-5 SM.

Sementara itu, Setiausaha Agung Majlis Tertinggi Barangan Purba Mesir, Mohamed Ismail Khaled berkata, penemuan itu dapat membantu memperdalam pemahaman tentang aktiviti manusia dan kehidupan harian di barat Delta Nil serta kawasan pedalaman di sekitar Alexandria.

Beliau menjelaskan bahawa penemuan ini merupakan tambahan saintifik yang penting kepada kajian corak penempatan, amalan pengebumian, dan aktiviti industri di Barat Delta Nil, selain memberikan pandangan baharu tentang rangkaian komunikasi serantau dari Zaman Akhir hingga era Rom dan awal Islam. - ©BERNAMA

Lebih 4,000 orang melarikan diri dari Kordofan, Sudan akibat keadaan tidak selamat - PBB

KHARTOUM (Sudan) / ISTANBUL, 31 Dis. - Lebih 4,000 orang awam melarikan diri dari negeri Kordofan Selatan dan Kordofan Utara di selatan Sudan dalam tempoh tiga hari lepas ekoran peningkatkan keadaan yang tidak aman, menurut Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi (IOM) pada Selasa, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam satu kenyataan, agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) itu melaporkan antara 1,500 hingga 2,500 orang melarikan diri dari Al-Kuweik di Kordofan Selatan, selain 375 orang dari Kadugli dan 495 lagi dari Dilling di negeri yang sama, dari 27 hingga 29 Disember.

Menurut IOM, golongan yang melarikan diri itu bergerak ke

pelbagai lokasi di negeri Kordofan Utara, Kordofan Selatan dan White Nile.

Di Kordofan Utara, organisasi itu merekodkan 1,020 orang melarikan diri dari Kampung Um Taghirat dan Al-Markha di lokaliti Jebrat Al-Sheikh akibat keadaan keselamatan yang semakin merosot, sambil memaklumkan mereka melarikan diri ke Omdurman, di barat ibu negara Khartoum.

Pada Ahad, IOM mengumumkann 1,290 orang dari dua negeri berkenaan melarikan diri atas sebab yang sama.

Tiga negeri Kordofan iaitu Utara, Barat dan Selatan menyaksikan beberapa minggu pertempuran sengit antara

tentera dan pasukan separa tentera Pasukan Sokongan Pantas (RSF), yang mendorong puluhan ribu orang melarikan diri.

Daripada 18 negeri di Sudan, RSF menguasai kesemua lima negeri di Wilayah Darfur di barat, kecuali beberapa bahagian utara Darfur Utara yang masih berada di bawah kawalan tentera.

Tentera pula menguasai sebahagian besar kawasan di baki 13 negeri di selatan, utara, timur dan tengah, termasuk ibu negara Khartoum.

Konflik antara tentera Sudan dan RSF yang bermula pada April 2023 mengorbankan ribuan nyawa dan menyebabkan jutaan orang kehilangan tempat tinggal. - ©BERNAMA

2 remaja maut terkena mercun buatan sendiri di Republik Persekutuan Jerman

BERLIN, 1 Jan. - Dua pemuda berusia 18 tahun maut selepas mengalami kecederaan parah pada bahagian muka dalam kemalangan melibatkan mercun buatan sendiri di Bandar Bielefeld, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) yang memetik pihak polis.

Kemalangan itu berlaku di lokasi berbeza di Bielefeld, dalam negeri Rhine Utara-Westphalia di barat Republik Persekutuan Jerman pada malam ambang Tahun Baharu, menurut kenyataan polis pada awal pagi Khamis.

Pihak polis menyatakan punca insiden maut itu adalah disebabkan pengendalian bahan piroteknik yang tidak betul.

Berdasarkan siasatan setakat ini, tiada bukti menunjukkan wujudnya kecuai pihak ketiga dalam kedua-dua kes berkenaan, menurut polis. - ©BERNAMA

3 warga Republik Rakyat China didakwa edar syabu 26kg

GEORGE TOWN, 31 Dis. - Tiga lelaki warga Republik Rakyat China didakwa di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan mengedar dadah, akhir bulan ini.

Tertuduh, Xie Zhouji, 38; Zhang Mea, 32; dan Chen Cheng, 36, menganggu faham selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Majistret Nadratin Naim Mohd. Saidi, namun tiada pengakuan direkodkan kerana kes itu di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Ketiga-tiga mereka didakwa bersama-sama mengedar dadah jenis methamphetamine seberat 26.025 kilogram di sebuah pangsapuri di Kompleks Adorna Gold pada 10 malam, 20 Disember.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39(B)(2) akta sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara seumur hidup serta sebatan tidak kurang daripada 12 sebatan, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Danial Amir Saad tidak menawarkan sebarang jaminan dan memohon mahkamah menetapkan satu tarikh bagi sebutan laporan kimia.

Mahkamah tidak membenarkan sebarang jaminan dan menetapkan 25 Februari depan bagi sebutan semula untuk laporan kimia. - ©BERNAMA

Jabatan Keadilan AS : Disney setuju bayar penalti US\$10 juta selesaikan kes privasi kanak-kanak

WASHINGTON, 31 Dis. -Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (AS) pada Selasa mengumumkan bahawa syarikat Disney bersetuju membayar penalti sivil berjumlah US\$10 juta bagi menyelesaikan dakwaan melanggar undang-undang privasi kanak-kanak persekutuan melalui kandungan poplarnya di YouTube, lapor Agensi Anadolu.

"Jabatan Keadilan komited sepenuhnya dalam memastikan ibu bapa mempunyai hak bersuara tentang bagaimana maklumat anak-anak mereka dikumpul dan digunakan," kata Penolong Peguam Negara, Brett A. Shumate daripada Bahagian Sivil Jabatan Keadilan dalam satu kenyataan.

Shumate berkata bahawa jabatan itu akan mengambil "tindakan segera bagi membanteras sebarang pelanggaran undang-undang" terhadap hak ibu bapa untuk melindungi privasi anak-anak mereka.

Menurut kenyataan itu, selain mengenakan penalti sivil US\$10 juta, perintah berkenaan turut melarang Disney daripada beroperasi di YouTube dengan cara yang melanggar Akta Perlindungan Privasi Dalam Talian Kanak-Kanak (COPPA) serta peraturan pelaksanaannya.

Arahan itu juga mewajibkan Disney mewujudkan satu program bagi memastikan syarikat itu mematuhi COPPA dengan betul di platform YouTube pada masa hadapan. - ©BERNAMA

EKSPORT KOREA SELATAN MENCAPAI REKOD TERTINGGI PADA TAHUN 2025



SEOUL, 2 Jan. - Eksport Korea Selatan mencapai rekod tertinggi tahunan lepas hasil daripada permintaan kukuh untuk semikonduktor dan kapal buatan tempatan, data kerajaan menunjukkan pada hari Khamis.

Eksport, yang menyumbang kira-kira separuh daripada ekonomi yang dipacu eksport, meningkat

3.8 peratus untuk mencapai paras tertinggi baharu sebanyak 709.69 bilion dolar AS pada tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya, menurut Kementerian Perdagangan, Industri dan Sumber.

Purata eksport harian meningkat 4.6 peratus kepada 2.64 bilion dolar. Import hampir tidak berubah pada 631.67 bilion dolar tahun lepas, menjadikan lebih

perdagangan kepada 78.02 bilion dolar.

Daripada 15 item eksport utama negara itu, enam produk menyaksikan pertumbuhan dalam penghantaran keluar. Eksport semikonduktor melonjak 22.2 peratus sepanjang tahun untuk mencapai paras tertinggi baharu sebanyak 173.39 bilion dolar pada tahun 2025.

Penghantaran cip yang melonjak ini disebabkan oleh percambahan Kecerdasan Buatan (AI) yang membawa kepada permintaan kukuh untuk cip memori berkapasiti tinggi dan bernilai tinggi yang digunakan dalam pusat data.

Eksport untuk kapal melonjak 24.9 peratus kepada 32.03 bilion dolar, manakala penghantaran automotif menambah 1.7 peratus kepada 71.98 bilion dolar.

Penghantaran peranti mudah alih meningkat 0.4 peratus kepada 17.26 bilion dolar, tetapi eksport panel paparan merosot 9.4 peratus kepada 16.98 bilion dolar.

Eksport komputer meningkat 4.5 peratus kepada 13.75 bilion dolar, tetapi eksport untuk alat ganti auto dan jentera am masing-masing merosot dalam satu digit kepada 21.20 bilion dolar dan 46.91 bilion dolar.

Eksport produk minyak dan petrokimia merosot 9.6 peratus dan 11.4 peratus masing-masing kepada 45.48 bilion dolar dan 42.51 bilion dolar berikutan lebih bekalan global dan minyak mentah yang lebih murah.

Minyak mentah Dubai, penanda aras Korea Selatan, mencatatkan purata 69.4 dolar setong pada 2025, menurun daripada 79.6 dolar

pada 2024. Eksport ke Amerika Syarikat merosot 3.8 peratus sepanjang tahun kepada 122.87 bilion dolar pada 2025 disebabkan oleh kesan negatif langkah perlindungan AS.

Penghantaran ke Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) meningkat 7.4 peratus kepada 122.49 bilion dolar, manakala eksport ke Kesatuan

Eropah meningkat 3.0 peratus kepada 70.14 bilion dolar.

Berikutan barangan import, import tiga sumber tenaga utama, termasuk minyak mentah, gas asli dan arang batu, merosot 13.4 peratus kepada 118.1 bilion dolar tahun lepas. Import bukan tenaga berkembang 3.7 peratus kepada 513.5 bilion dolar berikutan permintaan kukuh untuk peralatan semikonduktor dan jentera am. - ©XINHUA

47 terbunuh, 112 cedera dalam kebakaran bar di Crans-Montana, Switzerland

GENEVA, 2 Jan. - Sekurang-kurangnya 47 orang terbunuh manakala 112 lagi cedera selepas kebakaran tercetis di sebuah bar yang sesak ketika sambutan malam Tahun Baharu di bandar peranginan ski Crans-Montana, Switzerland, menurut Menteri Luar Itali Antonio Tajani kepada media Itali pada Khamis, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Bercakap kepada Sky TG24, Tajani berkata proses mengenal pasti mangsa akan menjadi "amat rumit dan mengambil masa". Beliau menambah bahawa beberapa rakyat Itali yang cedera telah pun dipindahkan ke Milan.

Laporan itu, memetik Duta Besar Itali ke Switzerland, Gian Lorenzo Cornado, menyatakan enam rakyat Itali masih hilang manakala 13 lagi dimasukkan ke hospital.

Bagaimanapun, pihak berkuasa Switzerland setakat ini

mengesahkan angka sementara yang lebih rendah. Polis kanton Valais memaklumkan kira-kira 40 orang terbunuh dan sekitar 115 cedera, kebanyakannya parah, sambil menegaskan proses pengecaman mangsa masih berjalan dan angka itu masih boleh berubah.

Pihak berkuasa turut memberi amaran bahawa proses mengenal pasti mangsa yang maut mungkin mengambil masa beberapa hari berikutan keadaan mayat. Memandangkan sifat antarabangsa pusat peranginan itu, pegawai Switzerland juga berkata warga asing berkemungkinan termasuk dalam kalangan mangsa.

Kebakaran itu tercetis di bar berkenaan sejurus selepas tengah malam, mencetuskan tindak balas kecemasan berskala besar. Puluhan ambulans dan helikopter dikerahkan, manakala mangsa yang cedera dipindahkan ke

hospital di seluruh Switzerland serta beberapa hospital di luar negara, termasuk unit rawatan khusus untuk kes melecur.

Siasatan jenayah berhubung insiden itu sedang dijalankan. Pendakwa Valais berkata beberapa hipotesis sedang diteliti, dengan teori yang kini diberi keutamaan ialah kebakaran menyeluruh yang mencetuskan letupan. Pihak berkuasa menegaskan banyak keadaan masih perlu diperjelaskan dan menggesa semua pihak agar bertenang serta menghormati keluarga mangsa.

Pegawai Switzerland menolak unsur keganasan dan berkata tumpuan kekal untuk menentukan urutan kejadian yang tepat sehingga membawa kepada kebakaran itu. Pakar forensik dari Zurich telah dilantik untuk membantu siasatan serta proses pengecaman mangsa. - ©BERNAMA



FOTO ini yang diambil pada 23 Ogos 2025 menunjukkan Jambatan Ulsan, sebuah mercu tanda di Ulsan, Korea Selatan.

Presiden Ecuador isytihar darurat di 9 wilayah, 3 perbandaran

QUITO, 2 Jan. - Presiden Ecuador Daniel Noboa mengisytiharkan darurat selama 60 hari di sembilan wilayah dan tiga perbandaran susulan peningkatan keganasan jenayah yang mencetuskan kekacauan serius, menurut laporan media tempatan pada Khamis, lapor Xinhua.

Dekri yang ditandatangani presiden pada Rabu itu berkuat kuasa mulai Khamis di wilayah Guayas, Manabi, Santa Elena, Los Rios, El Oro dan Esmeraldas di kawasan pesisir pantai, di wilayah tengah-utara Pichincha dan Santo Domingo, serta di wilayah Sucumbios di kawasan Amazon.

Langkah itu turut dilaksanakan di perbandaran La Manadi wilayah tengah Cotopaxi, serta perbandaran Las Naves dan Echeandia di wilayah pergunungan, Bolivar.

Presiden berkata tempoh kuat kuasa selama 60 hari itu bertujuan mengekang keganasan berintensiti tinggi, meneutralkan ancaman yang sedang berlaku atau berpotensi berlaku, serta membongkar rangkaian jenayah.

Antara 1 November hingga 23 Disember tahun lalu, seramai 1,232 mangsa pembunuhan direkodkan di Ecuador di wilayah Guayas, Los Rios, Manabi, El Oro, Pichincha, Esmeraldas, Santa Elena, Santo Domingo dan Sucumbios, menurut laporan Polis Negara. - ©BERNAMA

Mahkamah tolak permohonan tahanan rumah bekas Presiden Brazil, diarah kembali ke penjara

RIO DE JANEIRO, 2 Jan. - Bekas Presiden Brazil Jair Bolsonaro, akan dihantar semula ke penjara selepas Mahkamah Agung menolak permohonan peguamnya supaya beliau menjalani hukuman tahanan rumah, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Mahkamah dalam keputusannya yang dikeluarkan pada Khamis menyatakan bahawa bekas presiden berhaluan kanan itu perlu dipindahkan semula ke selnyadi ibu pejabat polis persekutuan di Brasilia, ibu negara Brazil, sebaik sahaja dibenarkan keluar dari hospital.

Bolsonaro, 70, baru-baru ini

menjalani pembedahan hernia berganda serta pembedahan bagi merawat masalah cegukan kronik. Beliau telah menjalani beberapa pembedahan sejak beberapa tahun kebelakangan ini susulan kecederaan parah akibat serangan tikaman semasa kempen pilihan raya 2018.

Bolsonaro, yang berkhidmat sebagai presiden dari 2019 hingga 2022, kini dipenjarakan sejak akhir November dan sedang menjalani hukuman penjara lebih 27 tahun.

Mahkamah Agung mendapati bahawa selepas tewas dalam pilihan raya, beliau telah berkomplot bersama sekutunya

untuk merancang rampasan kuasa terhadap kerajaan pimpinan penggantinya, Luiz Inacio Lula da Silva.

Dengan mengambil kira keadaan kesihatannya, peguam Bolsonaro memohon agar beliau dibenarkan menjalani hukuman di bawah tahanan rumah. Bagaimanapun, Hakim Mahkamah Agung Alexandre de Moraes menolak permohonan itu dengan alasan Bolsonaro berulang kali melanggar syarat yang dikenakan mahkamah serta didakwa cuba melarikan diri sebelum dipenjarakan. - ©BERNAMA

Presiden Gabon lantik kerajaan baharu

LIBREVILLE, 2 Jan. - Presiden Gabon, Brice Clotaire Oligui Nguema pada Khamis mengumumkan pembentukan kerajaan baharu yang terdiri daripada 31 anggota, lapor Xinhua.

Rombakan Kabinet itu dibuat susulan pilihan raya perundangan dan pihak berkuasa tempatan yang diadakan pada akhir 2025.

Beberapa menteri baharu dilantik ke jawatan penting, termasuk portfolio dalam negeri, hal ehwal luar, kehakiman, petroleum, serta ekonomi dan kewangan.

Presiden mengekalkan beberapa sekutu rapatnya dalam portfolio utama, termasuk Ulrich Manfoumbi Manfoumbi sebagai Menteri Pengangkutan, Perdagangan Perkapalan dan Logistik, Brigitte Onkanowa sebagai Menteri Pertahanan Negara serta Camelia Ntoutoume Leclercq sebagai Menteri Pendidikan.

Kabinet kerajaan baharu itu merangkumi 11 wanita dan 20 lelaki. Di bawah Perlembagaan Gabon, presiden juga berperanan sebagai ketua kerajaan. - ©BERNAMA



PESTA PANTAI ERATKAN HUBUNGAN MASYARAKAT MUKIM SERASA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin

MUARA, Khamis, 1 Januari. - Dalam mengeratkan hubungan silaturahmi antara penduduk, pemimpin masyarakat serta agensi-agensi berkaitan, Majlis Perundingan Mukim Serasa telah mengadakan Pesta Pantai Sukan Riadah Silaturahmi bertempat di Taman Rekreasi Peranginan Pantai Muara, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Awang Haji Sa'edan bin Haji Mohamad Said diikuti dengan ucapan daripada Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan juga selaku Pengerusi Majlis.

Dalam ucapannya mengongsikan, majlis ini dianjurkan bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan dan riadah. Semangat kerjasama dan perpaduan inilah yang menjadi asas kepada keharmonian Mukim Serasa.

Kemudian acara diteruskan dengan pembukaan rasmi oleh tetamu kehormat, diikuti dengan penyampaian penghargaan dan diteruskan dengan sesi



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat pada Pesta Pantai Sukan Riadah Silaturahmi di Taman Rekreasi Peranginan Pantai Muara (atas), manakala gambar bawah, antara aktiviti yang diadakan pada pesta berkenaan.

pemanasan badan yang diketuai oleh Awang Haji Muhammad Muiz Akmal bin Haji Jamain.

Pelbagai aktiviti seperti kempen kebersihan dan acara sukan telah diadakan. Pada acara tersebut juga diselenggarakan dengan Pelancaran Pembukaan Sukan Tahunan Mukim Serasa bagi Tahun 2026.

Pelancaran ini diharapkan akan menjadi

pencetus kepada pelbagai aktiviti sukan yang lebih tersusun, berterusan dan memberi manfaat kepada seluruh lapisan

masyarakat, baik di peringkat kanak-kanak, remaja, dewasa dan juga peringkat veteran.



“King Kazu” sertai kelab baharu, terus beraksi pada usia 58 tahun

TOKYO, 31 Dis. - Bekas penyerang Jepun, Kazuyoshi Miura, 58, akan menyertai kelab Divisyen Tiga Liga Jepun Fukushima United secara pinjaman hingga akhir Jun depan daripada Yokohama FC yang bakal beraksi dalam Divisyen 2 (J2) musim akan datang, menurut kenyataan kedua-dua kelab pada Selasa, lapor Agensi Berita Kyodo.

Dikenali dengan gelaran “King Kazu” selepas memainkan peranan penting dalam melonjakkan populariti bola sepak Jepun susulan pelancaran Liga Jepun pada 1993, Miura bakal mengharungi musim profesionalnya yang ke-41 pada 2026.

“Semangat saya terhadap bola sepak tidak pernah berubah walaupun usia saya semakin meningkat. Saya amat berterima kasih kepada Fukushima kerana memberi peluang untuk saya beraksi,” kata Miura

menerusi kelab baharunya. “Saya berjanji akan memberikan yang terbaik untuk menyumbang kepada pasukan”.

Miura beraksi dalam tujuh perlawanan tanpa menjaringkan gol musim ini ketika dipinjamkan ke Atletico Suzuka dalam saingan Divisyen Keempat Liga Bola Sepak Jepun. Beliau kembali beraksi dalam kancah Liga Jepun buat kali pertama sejak 2021, apabila tampil dalam satu perlawanan liga untuk Yokohama FC dalam saingan J1.

Miura, yang bakal menyambut ulang tahun kelahiran ke-59 pada Februari ini, berada di kedudukan kedua dalam senarai penjaring terbanyak sepanjang zaman Jepun dengan 55 gol daripada 89 perlawanan untuk pasukan kebangsaan, di belakang mendiang Kunishige Kamamoto yang menjaringkan 75 gol dalam 76 perlawanan. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

KOMPLEKS Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Kompleks Yayasan) merupakan salah sebuah bangunan komersil terbesar di tengah-tengah Bandar Seri Begawan dengan keluasan lantai kira-kira 110,305 meter persegi. Kompleks Yayasan ini merupakan satu projek pelaburan dalam bidang harta tanah yang dikendalikan oleh Yayasan dan hasil pendapatan daripada pelaburan ini digunakan bagi membiayai projek amal yang diusahakan Yayasan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan merasmikan Kompleks Yayasan ini pada 4 Rabiulakhir 1417 Hijrah bersamaan 19 Ogos 1996 Masihi.

SUMBER : Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KEJAR KEREDAAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA AGAR KITA BEROLEH KEBERKATAN DI DUNIA, AKHIRAT KELAK